“Pemetaan” merujuk kamus dewan ialah perihal orang membuat peta. Ia berasal dari perkataan ‘Peta’ yang bermaksud lukisan (gambar) pada kertas dan lain-lain yang menunjukkan kedudukan negeri, sungai, gunung dan sebagainya. Selain itu, ia juga bermaksud membuat peta tentang sesuatu, menunjukkan kedudukan (keadaan) sesuatu dalam bentuk peta (Noresah bt Baharom *et al*, 2000:1030).

Mengikut Syeikh Ali Mahfuz, perkataan “Dakwah” adalah berasal dari perkataan bahasa arab “دَعَى, يَدْعُو, دَعْوَةٌ” yang bermaksud memanggil, mengajak, menyeru dan menjemput pada sesuatu yang merangsang kepada sesuatu tujuan (Ghazali Darusalam, 1996: 1). Dalam Kamus al-Marbawi “Dakwah” bermaksud seruan (Al-Marbawi, 1350h: 203). Pengertian “Dakwah” menurut

Kamus Dewan ialah kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan (Noresah bt Baharom *et al*, 2000:263-264).

Kamus *Mu'jam al-Wasit* menjelaskan pengertian dakwah sebagai meminta kehadirannya atau mengharap padanya. Dalam pengertian yang lebih jelas, kamus ini menerangkan bahawa dakwah ialah menggalakkan seseorang mengikuti niatnya iaitu menyeru kepada sesuatu perkara (*Mu'jam al-Wasit*: 1972: 296).

Wan Hussein Azmi (1984: 3) memberi beberapa istilah yang sinonim dengan dakwah iaitu merujuk kepada nabi Muhammad s.a.w antaranya “*basyir*” yang membawa maksud pembawa berita gembira iaitu syurga kepada orang yang beriman. Begitu juga dengan “*nazhir*” yang bermaksud pemberi ingatan azab neraka kepada orang yang tidak beriman dengan Allah S.W.T.

Kamus *Munjidu at-Tullab* mendefinisikan dakwah sebagai seruan, menggemarkan padanya dan meminta kesediaannya. Di dalam maksud lain, dakwah boleh didefinisikan dengan maksud seru, panggil dan ajak (*Munjidu at-Tullab*: 1986: 200). Ia bertepatan sekali dengan definisi-definisi lainnya.

“Pemetaan Dakwah” yang dimaksudkan di sini ialah merujuk kepada populasi, geografi, prasarana, latar belakang masyarakat, status sosial, bilangan badan-badan kerajaan dan persendirian yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti dakwah dan mengenal pasti beberapa aspek berkaitan dengan dakwah yang berlaku di satu-satu kawasan tertentu terutamanya kawasan yang terlibat di dalam kawasan kajian.

“*Kajian*” bermaksud suatu kegiatan, usaha atau proses mengkaji sesuatu (Noresah bt Baharom *et al*, 2000:560). Ini bermaksud suatu pemerhatian, penelitian dan penyelidikan yang dilakukan oleh penulis di Kulai, Skudai, Pasir Gudang dan Johor Bahru berkaitan dengan dakwah.

“Lokasi” menurut Kamus Dewan merujuk kepada maksud letak dan kedudukan (Noresah bt Baharom *et al*, 2000:820). “Kajian Lokasi” adalah merujuk kepada kajian yang berkaitan dengan kedudukan sesuatu tempat yang ingin dikaji. Ia berkaitan dengan geografi sesuatu penempatan yang merujuk kepada aktiviti dakwah yang dilakukan di kawasan tersebut.

“Metodologi” berasal dari perkataan metode dari sudut bahasa ianya berasal dari bahasa Greek, ‘meta’ ertinya ‘dengan’ manakala ‘odos’ ertinya ‘jalan’. Oleh sebab itu metode ertinya ‘dengan jalan’ atau ‘dengan cara’ (Drs. Nazaluddin SH, 1974:33). Manakala dalam Kamus Dewan (2000), metodologi di ambil dari perkataan 'metode' yang bermaksud cara melakukan sesuatu.

Terdapat beberapa perkataan dalam bahasa Arab yang sangat dekat pengertiannya dengan metode. Perkataan-perkataan itu ialah *uslub*, *manhaj*, dan juga *wasilah*. Dalam bahasa Arab, *uslub* bererti jalan (Al-Marbawi, 1350h; 21). Ia adalah cara membentuk atau cara menggunakan sesuatu atau cara-cara tertentu untuk melakukan sesuatu pekerjaan (Al-Zain, 1985; 352).

Mengikut peristilahan biasa dalam dakwah, *uslub* dakwah ialah penyampaian kandungan atau isi dakwah dengan ibarat dan bentuk tertentu (Nawfal, 1977; 189). Jika *uslub* bererti cara membentuk, cara menggunakan sesuatu atau cara-cara tertentu untuk melakukan sesuatu pekerjaan (Al-Zain, 1985; 352), maka *uslub* dakwah bererti cara melakukan dakwah. Manakala *manhaj* atau *minhaj* bererti jalan terang atau jalan nyata (Al-Marbawi, 1350h; 348). Menurut Kamus *Munjidu al-Abjadi* (1986;1095) pula *manhaj* bermaksud jalan yang jelas.

Adapun *wasilah* bererti media atau saluran penyampaian kandungan dakwah yang antaranya melalui media massa (Nawfal, 1977; 189). Bagi Ghalus, *wasilah* bukan sahaja bermakna saluran, tetapi lebih memberi erti *uslub* itu sendiri. Dengan

itu, selain daripada bererti saluran, *wasilah* juga bererti *uslub* atau cara penyampaian kandungan (Ghalus, 1972; 275).

Dr. Muhammad Hatta mengertikan metode ini dengan skema atau rancangan bekerja, ukuran dalam meninjau dan menetapkan duduk masalah yang dihadapi, menyusunnya menjadi satu sistem pengetahuan. Beliau mengemukakan 3 jenis metode, iaitu:

1. Metode Komparatif, iaitu memperbandingkan sebanyak mungkin gejala yang ditemui untuk menetapkan satu ketentuan.
2. Metode Eksperimen, iaitu cara percubaan sebagai mana lazim dilakukan dalam bidang fizik.
3. Metode Abstraksi, iaitu cara yang lazim digunakan dalam bidang ilmu 'humaniora' (sosial) bermula dengan keinsafan bahawa kebenaran diambil dari palukan umum yang sudah ditentukan sebelumnya. Sehubungan dengan ini, maka metode ketiga ini terbahagi kepada dua (Dr. Muhammad Hatta, 1984: 5-19) iaitu:
 - a. Induktif, yang di dalam praktif merupakan gabungan antara eksperimen dan komperatif.
 - b. Deduktif iaitu cara menerima kebenaran.

Manakala menurut M. Syataat Habib, mengatakan metode adalah suatu cara atau prosedur, terutama yang disusun secara sistematis atau suatu cara yang ditentukan secara jelas untuk mencapai dan menjelaskan sesuatu tujuan, gencana dan tafafikir manusia (Dr. Muhammad Hatta, 1984: 5-19).

Dengan demikian maka jelaslah bahawa, metode adalah merupakan satu disiplin yang diciptakan untuk mencapai sasaran tertentu. Dalam pengertian yang lebih lanjut lagi, metode merupakan satu pengaturan secara ilmiah dan menggunakan logika yang teratur. Selanjutnya ia merupakan teori untuk menyelesaikan sesuatu

yang dirancang oleh manusia. Untuk menghasilkan nilai yang tinggi, yang motivasinya diambil dari tingkah laku dan intelektual manusia sendiri.

Pengertian yang demikian itu harus dihubungkan dengan pengertian dakwah yang mempunyai erti undangan atau ajakan (Wan Hussein Azmi, 1984:3). Maka dengan demikian metode dakwah mewakili keluasan erti yang kompleks dan lebih mendalam.

Oleh itu metodologi amat penting dalam menyampaikan dakwah. Tanpa adanya perancangan dari segi metodologi dan *approach*, gerakan dakwah tidak dapat berjalan dengan berkesan. Justeru itu, pendakwah perlu bijak merealisasikan metode dakwah dalam melaksanakan seruannya. Hakikat ini membuktikan betapa pentingnya ada pendakwah-pendakwah yang terlatih dan berkebolehan untuk menggerakkan Dakwah Islamiah menuju kejayaannya.

“Pengaplikasian” merujuk Kamus Dewan ialah berasal dari kata akar “aplikasi” iaitu kegunaan. Makna “Pengaplikasian” dirujuk sebagai perihal (perbuatan) mengaplikasikan sesuatu (Noresah bt Baharom *et al*, 2000: 59). Dalam konteks kajian, ia bermaksud bagaimana sesuatu metode dakwah itu digunakan di dalam sesuatu tempat yang dikaji.

“Skudai, Kulai, Pasir Gudang dan Johor Bahru” pula merujuk kepada tempat kajian yang dibuat oleh penulis. Kawasan kajian ini merupakan tempat-tempat utama yang terletak di dalam daerah Johor Bahru yang mempunyai pelbagai tempat atau institusi menyebarkan dakwah.

1.8 Kesimpulan

Bab satu ini mengandungi latar belakang masalah, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, persoalan kajian, skop kajian, definisi/istilah dan kesimpulan. Bahagian latar belakang diterangkan tentang senario dakwah yang berlaku pada masa kini serta permasalahan yang sering dihadapi oleh pihak-pihak berwajib yang dalam usaha untuk membangun dan menyebarkan dakwah islamiyah.

Pada bahagian pernyataan masalah, perkara yang disentuh ialah aktiviti-aktiviti dakwah yang wujud di sekitar negeri Johor sehingga menarik minat pengkaji untuk mengkaji pemetaan dakwah yang dilaksanakan di negeri ini. Pada bahagian objektif kajian dan persoalan kajian pula dijelaskan tentang tujuan penyelidikan ini dilakukan iaitu merujuk kepada metodologi dakwah yang dilaksanakan di kawasan ini melalui beberapa aspek yang telah ditentukan.

Manakala persoalan kajian dinyatakan berdasarkan kepada objektif kajian. Pada bahagian takrif istilah pula memberi fokus mengenai pengertian kajian secara lebih terperinci menurut beberapa kamus dan pendapat beberapa penulis terkemuka mengenai beberapa istilah penting di dalam kajian ini.

BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Bab ini terbahagi kepada tiga bahagian yang utama. Bahagian pertama akan menerangkan tentang Sejarah awal penubuhan Pihak Berkuasa Tempatan yang wujud di Negeri Johor kawasan Johor Bahru manakala bahagian kedua akan memberi tumpuan kepada latar belakang kawasan kajian dengan lebih khusus lagi. Bahagian ketiga pula akan dinyatakan kajian-kajian lalu berkaitan dengan dakwah yang berkait rapat dengan tajuk kajian.

2.2 Sejarah Awal Penubuhan Pihak Berkuasa Tempatan Kawasan Johor Bahru

Secara umumnya terdapat 4 kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Johor Bahru iaitu Majlis Bandar Raya Johor Bahru (MBJB), Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT), Majlis Perbandaran Kulai (MPK) dan Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang (PBTPG). Kesemua badan pentadbiran ini mempunyai kawasan pentadbiran yang tersendiri dan mempunyai keunikan masing-masing.

2.2.1 Majlis Bandar Raya Johor Bahru (MBJB)

Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) merupakan sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang diberi kuasa di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) untuk memberikan perkhidmatan-perkhidmatan perbandaran kepada penduduk bandar raya Johor Bahru.

Sejarah Majlis Bandaraya Johor Bahru bermula pada 1910 apabila Lembaga Bandaran ditubuhkan, seterusnya dinaikkan ke taraf Majlis Bandaran pada tahun 1952, Majlis Perbandaran pada 1 April 1977, diikuti dengan Majlis Bandaraya 1 Januari 1994 setelah Johor Bahru dianugerahi taraf Bandaraya pada tarikh tersebut.

Sebagai organisasi yang diletakkan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Majlis Bandaraya Johor Bahru juga bertanggungjawab terhadap perancangan dan pembangunan Bandaraya Johor Bahru yang merangkumi kawasan seluas 220 kilometer persegi (www.mbjb.gov.my/).

2.2.2 Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT)

Sejarah Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT) ini bermula dengan penubuhan lapan buah Majlis Tempatan sekitar tahun 60-an di bawah '*Town Board Enactment 118*' iaitu Majlis Tempatan Skudai, Majlis Tempatan Lima Kedai, Majlis Tempatan Gelang Patah, Majlis Tempatan Kangkar Pulai, Majlis Tempatan Ulu Choh, Majlis Tempatan Ulu Tiram, Majlis Tempatan Plentong dan Majlis Tempatan Masai. Hasil daripada perkembangan penduduk dan pertambahan pegangan maka pada 1 Mac 1978, Majlis Daerah Johor Bahru Tengah telah ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang merangkumi kawasan seluas 104.7 kilometer persegi dengan jumlah penduduk seramai 150,000 orang.

Kesan dari pertumbuhan yang berterusan maka pada tahun 1995, Majlis Daerah Johor Bahru Tengah telah diperluaskan kawasan pentadbirannya sehingga 303.48 kilometer persegi dengan jumlah pegangan meningkat kepada 98, 515 unit dan jumlah penduduk bertambah sehingga mencapai 500,000 orang. Memandangkan kepada kepesatan pembangunan ini maka Lembaga Pengurusan Majlis telah mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya Majlis Daerah Johor Bahru Tengah dinaikkan ke taraf perbandaran. Cadangan tersebut telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri Persekutuan berkuat kuasa pada 1 Januari 2001. (Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, 2001; 6).

2.2.3 Majlis Perbandaran Kulai (MPK)

Majlis Perbandaran Kulai (MPK) bermula dengan gabungan 9 buah Majlis-majlis Tempatan iaitu Majlis Tempatan Kulai, Majlis Tempatan Senai, Majlis Tempatan Kelapa

Sawit, Majlis Tempatan Seelong, Majlis Tempatan Saleng, Majlis Tempatan Sengkang, Majlis Tempatan Air Bemban, Majlis Tempatan Sedenak dan Majlis Tempatan Bukit Batu. Di bawah pentadbiran ini terdapat 2 mukim yang besar iaitu Mukim Senai-Kulai dan Sedenak (Laporan Tahunan MDK, 2003; 3).

Pada awal penubuhannya Majlis Daerah Kulai mempunyai keluasan seluas 123.36 km persegi. Ia meliputi 40 rantai kiri dan kanan jalan raya Persekutuan Utama dari Bukit Batu hingga ke Senai dan jalan ke Kota Tinggi. Pentadbiran MDK juga meliputi laluan bagi Kereta api Tanah Melayu yang menghubungkan jalan dari utara ke selatan Singapura. Kini keluasan kawasan pentadbiran MDK ialah 803 km persegi dengan keseluruhan penduduk melebihi 130,000 orang. (Perisytiharan MPK, 2004; 48). Pada 21 April 2004 Kerajaan Negeri Johor dan Kerajaan Persekutuan telah memberi kelulusan dan pengiktirafan naik taraf Majlis Daerah Kulai kepada Majlis Perbandaran Kulai (Perisytiharan MPK, 2004; 19).

2.2.4 Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang (PBTPG)

Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang (PBT Pasir Gudang) telah ditubuhkan pada 1 Julai 1977 dan Johor Corporation telah dilantik sebagai pentadbir di bawah seksyen 150, Enakmen Lembaga Bandaran Bil. 118 yang kemudiannya digantikan dengan pemakaian seksyen 7, Akta Kerajaan Tempatan (Akta 171) mulai Mac 1985.

Penubuhan Pihak Berkuasa Tempatan ini adalah lanjutan daripada kepesatan pembangunan kawasan perindustrian Pasir Gudang yang seterusnya mendorong

Kerajaan negeri mewujudkan satu badan pentadbiran yang bertanggungjawab membantu mempercepatkan pembangunan Pasir Gudang.

Johor Corporation telah diamanahkan sebagai pentadbir PBT Pasir Gudang adalah berdasarkan kepada peranan Johor Corporation sebagai pemaju utama di kawasan perindustrian Pasir Gudang yang pastinya akan lebih memudahkan tugas-tugas perancangan, pembangunan pengawalan dan penyediaan kemudahan awam di Pasir Gudang. Selain daripada itu, ia juga akan mempercepatkan pembangunan Pasir Gudang sebagai pusat pertumbuhan industri terpenting di selatan tanah air (PBTPG, 2002; 14).

2.3 Sejarah Awal Daerah dan Bandar Kawasan Kajian

Terdapat 4 kawasan utama yang menjadi lokasi kajian di dalam penyelidikan ini iaitu daerah Johor Bahru di bawah pentadbiran Majlis Bandar Raya Johor Bahru (MBJB), daerah Skudai di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT), daerah Kulai di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Kulai (MPK) dan Bandar Pasir Gudang di bawah pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan Pasir Gudang (PBTPG).

2.3.1 Sejarah Awal Johor Bahru

Asal usul perkataan Johor diambil dari perkataan Arab "Jauhar" yang bermaksud "Permata Berharga". Pengaruh Arab jelas kelihatan di mana para pedagang dari Arab

telah datang ke sini bagi menjalankan perniagaan rempah yang sememangnya terkenal pada suatu ketika dahulu. Johor juga dikenali sebagai Hujung Tanah atau "Gangganu" oleh orang-orang Siam yang bermaksud "Batu Permata".

Pembukaan negeri Johor bermula pada awal kurun ke-16 apabila Melaka telah ditakluki Portugis. Sultan Mahmud Syah yang merupakan pewaris terakhir takhta kerajaan Melaka telah melarikan diri dan membuka kerajaan Johor. Pada waktu itu, Johor telah meluaskan empayarnya sehingga ke Riau.

Sejarah Johor moden bermula di bawah pemerintahan Sultan Abu Bakar. Baginda telah ditabalkan menjadi sultan pada tahun 1866 seterusnya memegang gelaran "Seri Maharaja Johor". Sultan Abu Bakar telah memperkenalkan Perlembagaan Johor seterusnya membawa perubahan dalam pentadbiran negeri Johor yang lebih efisien. Perpindahan pusat pentadbiran kerajaan Johor di Teluk Belanga ke Tanjung Puteri pada tahun 1841 memberi kesan yang positif kepada Johor terutamanya dari segi pembangunan.

Pembinaan bangunan kerajaan, balai polis, masjid, mahkamah dan istana besar jelas membuktikan Sultan Abu Bakar berhak menerima gelaran sebagai "Bapa Pembangunan Johor". Kini, Johor yang disempadani oleh Melaka, Pahang dan Singapura merupakan negeri yang kelima terbesar di Malaysia.

2.3.2 Sejarah Awal Skudai

Pekan Skudai terletak di Batu 10, Jalan Ayer Hitam Johor Bahru dan juga di antara Simpang Jalan Gelang Patah dan Simpang Jalan Pontian, 16km daripada Bandaraya Johor Bahru.

Majlis Tempatan Skudai telah ditubuhkan pada tahun 1953 mengikut Undang-Undang Majlis Tempatan 1952 dan *The Town Boards Enactment No. 118*. Majlis Tempatan ini ditadbirkan oleh sebuah Lembaga Pengurusan yang mengandungi 8 orang Ahli-ahli Mesyuarat di mana 6 orang dipilih oleh penduduk tempatan di bawah Akta Pilihan Raya Majlis Tempatan, 1960. Manakala 2 orang lagi dilantik oleh Kerajaan Negeri. Poh Yong Kee telah dipilih sebagai Pengerusi pertama Majlis Tempatan Skudai daripada 1953 hingga 1960. Beliau dipilih semula pada tahun 1962 dan terus memegang jawatan tersebut sehingga 1973.

Luas kawasan Pentadbiran bertambah kepada 340 ekar pada tahun 1970. Bilangan rumah kediaman dan rumah kedai pada tahun 1957 adalah sebanyak 184 buah dan kebanyakannya dari jenis sementara. Pada tahun 1976, bilangan rumah kediaman dan rumah kedai telah bertambah 3 kali ganda kepada 593 buah. Ini disebabkan oleh beberapa projek perumahan telah dilaksanakan oleh pihak-pihak swasta pada masa tersebut (www.johordt.gov.my/mpjbt).

2.3.3 Sejarah Awal Kulai

Sebelum tahun 1950, Kampung Baru Kulai merupakan sebidang tanah yang ditanami dengan pokok getah dan nanas. Apabila kerajaan mengumumkan darurat, tiga ribu lebih penghuni Pekan Baru telah dipindahkan ke sini. Pada masa itu, banyak kawasan masih belum ada jalan, longkang serta pembekalan elektrik dan air Rumah-rumah hanya didirikan secara berselerak dengan daun nipah.

Dengan adanya Majlis Tempatan, infrastruktur di Kulai mula dimajukan. Kawasan Kulai Pula Dibahagikan kepada kawasan pekan, kawasan sekolah Cina, kawasan sekolah Melayu dan kawasan sekolah Inggeris. Tempat-tempat ini dibina dengan jalan dan longkang. Antara jalan-jalan yang dibuka adalah seperti Jalan Sekolah Cina, Jalan Lengkungan, Jalan Durian, Jalan Ngu Lai Sheng, Jalan Zhou Ruo Jian dan lain-lain lagi.

Rumah Orang Tua Kulai juga didirikan atas usaha majlis tempatan Kementerian Kebajikan pada masa itu hanya memperuntukkan \$8000 untuk Tujuan tersebut, oleh itu, pihak majlis tempatan terpaksa mengutip derma daripada orang ramai sebanyak \$9000 Barulah mencukupi untuk mendirikan rumah orang tua itu.

Pada zaman 50-an itu, setiap orang tua hanya mendapat \$15 sebulan dari Kementerian Kebajikan untuk menampung kos kehidupan harian. Kemudian elaun itu dinaikkan kepada \$25 sebulan. Gereja Kristian Kulai juga menderma barang-barang asas kepada golongan tua ini setiap bulan sehingga tahun 1967.

Pada awal zaman 50-an, pembekalan elektrik dan air masih tidak terdapat di Kulai. Lampu jalan di pekan Kulai adalah lampu minyak. Orang yang bertanggungjawab menyalakan lampu-lampu jalan di kawasan Senai dan Kulai ialah He Ruo Chang dan Feng Bing Li. Sebelum peperangan, kerja ini diuruskan oleh Luo Ling dan Shen Wen . Untuk mendapatkan air, setiap keluarga perlulah menggali sebuah telaga di kawasan rumah mereka.

Sebelum tamatnya tahun 50-an, Syarikat Elektrik Yong Ann mula membekalkan elektrik kepada setiap keluarga. Masa pembekalan adalah dari tujuh malam hingga lima pagi. Selepas sepuluh tahun, barulah penduduk Kulai mendapat pembekalan elektrik 24 jam dari pihak kerajaan.

Pada awal tahun 60-an, Zhen Chong Wen yang berjaya menjadi ahli parlimen kawasan selatan Kluang berjaya mengatasi masalah pembekalan air paip. Sejak itu, kemudahan-kemudahan kesihatan serta tandas-tandas awam mula didirikan.

Pada awal 1961, Indonesia telah berselisih faham dengan Malaya. Dengan itu, majlis tempatan seluruh negara dibubarkan dan digantikan dengan majlis daerah. Pengerusi Gerakan Muda MCA, Lee San Cai dilantik sebagai ketua Majlis Daerah Kulai. Dengan terdirinya majlis tempatan, Fu Ci Sheng telah mempengerusikan majlis tersebut selama sepuluh tahun.

2.3.4 Sejarah Awal Pasir Gudang

Pada tahun 1918 kawasan Pasir Gudang (dahulu disebut Kampung Pasir Udang) telah diterokai oleh seorang yang bernama Long Abu yang dipercayai berasal dari Riau Indonesia. Apabila penduduk Kampung Pasir Udang semakin bertambah, kampung-kampung berikut telah didirikan:

1. Kampung Ulu (kini limbungan baik pulih MSE)
2. Kampung Tengah (kini kawasan Tenaga Nasional)
3. Kampung Hilir.
4. Kampung Sungai Perembi. Balai Polis Pasir Gudang terletak di sini.

Penduduk kampung-kampung ini terdiri dari bangsa Melayu dan sedikit Cina, kesemuanya berjumlah 83 keluarga. Mereka bekerja sebagai nelayan, petani dan buruh ladang.

Pada tahun 1920, empat buah lagi kampung telah dibuka iaitu:

1. Kampung Air Biru (kini menjadi tapak pelabuhan).
2. Kampung Pasir Merah (kini menjadi tapak pelabuhan).
3. Kampung Pasir Puteh, masih kekal sehingga sekarang.
4. Kampung Pulau Tekong, menjadi wilayah Singapura.

Secara tidak langsung nama Pasir Udang mengalami perubahan menjadi Kampung Pasir Gudang oleh kerana di Kampung Ulu terdapat lombong pasir untuk dieksport ke Singapura. Pasir-pasir yang telah di kumpul akan dilonggokkan dengan banyaknya di suatu tempat. Dipercayai bersempenakan keadaan tersebut maka timbulnya nama Pasir Gudang.

Pada pertengahan abad ke 19, peneroka berbangsa Cina dari suku Teochew telah meneroka lebih jauh ke daratan melalui jalan sungai yang dipenuhi kayu bakau untuk peladang. Kegiatan mereka akhirnya diperakukan melalui 'surat sungai' yang dikeluarkan oleh Sultan Johor yang membenarkan mereka membangunkan kawasan Kangkar Masai, Kangkar Plentong dan Kangkar Lunchu di bawah ketua-ketua sungai yang dipanggil kangchu. Di tebing-tebing sungai inilah mereka mengusahakan tanaman gambir dan lada hitam.

'Pengkulu' merupakan wakil raja yang mengutip cukai untuk barangan yang dibawa keluar dan masuk melalui jalan air. Apabila harga gambir dan lada hitam telah merosot, beberapa pemilik ladang telah cuba mengusahakan tanaman nanas.

Pada awal abad ke 20, tanaman getah mula mendapat perhatian. Pengenalan getah di Malaysia menyebabkan pengusaha-pengusaha British dan Singapura membuka estet-estet yang besar. Sehingga 1916, enam buah estet yang meliputi kawasan seluas 15,000 ekar telah dibuka di Mukim Plentong.

Kampung Pasir Gudang telah menjadi pusat Polis, Kastam dan pengawal candu (opium) di samping sebagai pusat bagi penghulu Mukim Pasir Gudang iaitu satu jawatan baru yang diwujudkan pada tahun 1916. Penubuhan estet-estet juga telah menyebabkan meningkatnya kemasukan pengaruh British dalam sistem perundangan dan pentadbiran negeri Johor. Mereka juga membawa buruh dari Cina dan India untuk bekerja di estet-estet.

Pendudukan Jepun ketika Perang Dunia Kedua dan pergerakan gerila selepas perang di kawasan ini tidak memberi kesan besar kepada kegiatan perladangan. Di bawah Undang-undang Darurat pada tahun 1950an, kampung-kampung baru telah diwujudkan

di Plentong, Masai dan Pasir Gudang. Buruh-buruh estet telah ditempatkan sama ada di kampung-kampung baru ini ataupun di berek-berek estet yang dikawal.

Walau bagaimanapun, perniagaan kecil dan aktiviti di perkampungan nelayan telah terjejas dengan teruknya akibat darurat. Semakin ramai bilangan penduduk kampung telah beralih bekerja di estet-estet. Selepas merdeka pula dalam tahun 1950an, Kerajaan telah cuba membebaskan penduduk Melayu yang tidak bertanah daripada belenggu kemiskinan melalui penubuhan skim-skim tanah seperti di Ban Foo, Plentong Baru dan Felda Cahaya Baru.

Kerajaan Negeri seterusnya telah mengambil tanah-tanah estet untuk dijadikan kawasan perindustrian dan perumahan. Peristiwa ini selanjutnya menjadi latar belakang kepada pembangunan kawasan perindustrian Pasir Gudang. Pembangunan ini sangat penting kepada negeri Johor, terutamanya kerana ia melibatkan penubuhan Pelabuhan Johor yang menjadi alternatif kepada pelabuhan yang terdapat di Singapura.

Perubahan-perubahan ini secara tidak langsung telah mengubah resam dan norma kehidupan yang sedia wujud di kalangan masyarakat tempatan. Dalam soal inilah semua ahli masyarakat di Mukim Plentong dan Pasir Gudang yang semakin bertambah bilangannya perlu bekerjasama dan bermuafakat di antara satu sama lain. Kejayaan pembangunan kawasan perindustrian Pasir Gudang bukan sahaja diukur kepada pembangunan fizikal tetapi juga kepada pembangunan rohani semua penduduk.

2.4 Kajian Literatur

Kajian mengenai pemetaan dakwah, metodologi dan pengaplikasiannya secara berangkai dan terperinci masih belum lagi dilakukan di negara kita Malaysia. Kajian dalam bentuk yang lain pernah dilakukan oleh beberapa sarjana Islam di luar negeri. Pengaplikasiannya di zaman kini secara khusus sebagaimana yang dikehendaki oleh pengkaji belum lagi ditemui. Walau bagaimanapun ada beberapa buah buku yang di tulis mengenai metodologi dakwah tetapi perbincangannya mempunyai pendekatan yang berbeza.

Kajian tentang pemetaan ini pernah dibuat oleh Hamidah Yusof (1989), tetapi di dalam skop yang berbeza kerana kajian ini membincangkan tentang pemetaan sekolah. Kajian bagi memenuhi syarat pengijazahan ini memberi penekanan kepada proses yang dinamik untuk merancang serta menempatkan (secara logik dan sistematik) sesebuah sekolah atau sekolah-sekolah dalam '*social setty*' di mana segala kemudahan sama ada fizikal atau bukan fizikal dapat memberi sumbangan yang maksima kepada pendidikan. Dengan kata lain, Pemetaan Sekolah merupakan satu aktiviti rancangan mikro yang bertujuan untuk memberi kemudahan-kemudahan fizikal kepada sesuatu kawasan atau kawasan-kawasan tertentu.

Kajian terhadap institusi dakwah di Yayasan Dakwah Islamiyyah Malaysia(YADIM) tertumpu kepada Aktiviti Sukarelawan al-Falah dan program Bina Ummah yang dianjurkan oleh institusi tersebut. Antara masalah yang dapat di kaji ialah karenah birokrasi di mana apabila ingin membuat sesuatu program perlu melalui banyak proses untuk membuat sesuatu program. Selain itu pembatalan program di saat akhir serta kurang persefahaman antara pengurus atasan dengan kakitangan bawahan menjadi masalah dalam pengurusan tersebut. Masalah kekurangan kakitangan dan kurang wang peruntukan juga dibincangkan secara terperinci. Nurul Hanani Zainuddin (2003/2004)

Rizauddin Alwi (2003), telah mengkaji secara khusus tentang sambutan dan masalah yang di hadapi apabila menjalankan sesuatu program dakwah di Masjid Abu Bakar Temerloh Pahang. Beliau juga telah menggariskan peranan sebenar masjid dalam Islam iaitu sebagai Pusat Ibadat, Pusat Pembelajaran dan Pendidikan, tempat tumpangan dan kebajikan ummah, balai pertemuan masyarakat Islam dan markaz ketenteraan dan politik.

Yusmaliza Yusof (2003), telah membuat satu kajian secara umum meliputi aktiviti atau program dakwah di kawasan Felda Trolak Selatan Perak. Selain daripada mengkaji sambutan dan permasalahan yang wujud, beliau juga telah menyenaraikan program-program yang diadakan seperti setiap minggu diadakan Kuliah agama, ceramah, marhaban, yasin dan kelas fardu 'ain & al-Qur'an. Manakala ceramah agama akan diadakan sebanyak dua kali sebulan. Setiap tahun pula akan diadakan program besar seperti Penyembelihan korban, majlis buka puasa, solat terawikh berjemaah, tadarrus al-Qur'an, khatam, Maulidur rasul, Israk mikraj, Maal hijrah, Solat Hajat dan Tahlil(Hari dan masa-masa tertentu).

Nor Hafizuddin B Anuar (2002/2003) telah mengkaji beberapa masalah yang berlaku di Masjid Tun Abdul Aziz, Seksyen 14, Petaling Jaya. Antara masalah yang dapat dikenal pasti adalah seperti kekurangan tenaga pendakwah yang membuka peluang kepada kumpulan ajaran sesat merebak, penyelewengan agama berdasarkan parti politik, wujud kemajuan sains dan teknologi yang disalahgunakan (menonton televisyen sehingga tidak pergi ke masjid), sikap AJK masjid yang tidak bersungguh-sungguh, pengaruh isme-isme(politik), peranan dan aktiviti masjid yang sempit dan tidak memenuhi cita rasa masyarakat setempat dan juga kewangan masjid yang lemah.

Daripada kajian yang dibuat oleh Wahidah bt Yusof (1997), sekurang-kurangnya terdapat 10 buah institusi dakwah di Malaysia yang telah dan sedang menjalankan

aktiviti-aktiviti dakwahnya di kalangan masyarakat Malaysia. Hasil dari kajian dan pengamatan penulis, didapati bahawa institusi-institusi dakwah tersebut, ada yang menonjol kewujudannya dalam masyarakat dan ada yang kurang menonjol.

Mohd Azli B Adnan, (2001/2002) di dalam kajiannya, memetik laporan yang dikemukakan oleh Saari Sungib dan Sahrim Ahmad (1998: 6-7) mengatakan bahawa sejak tahun 1970-1980-an, suatu gerakan Islam yang dipelopori oleh beberapa orang bekas pelajar luar negara seperti Britain, Amerika Syarikat, Australia, Mesir termasuk dari beberapa buah universiti yang lain. Pergerakan ini banyak dipengaruhi oleh pemikiran aktivis-aktivis Islam yang berasal dari negara Timur Tengah, Pakistan, Turki, Afrika Utara dan Indonesia. Ia telah melaksanakan agenda perjuangan dalam bentuknya yang tidak rasmi di dalam suatu ikatan Ukhuwwah Islamiyyah dan matlamat yang satu. Kelompok ini pernah dikenali sebagai Islamic Representative Council (IRC), Alami, Jamaah Sirriah dan Jamaah tidak bernama. Pendekatan pergerakan ini adalah terbuka dari aspek dakwah dan kerja-kerja Islam sebaliknya tertutup dalam keanggotaan dan pengorganisasian

Nuzaimah bt Ahmad Johari (1994/95), membincangkan Pra syarat kejayaan gerakan Islam menurut al-Qur'an di dalam konteks pengurusan dakwah melalui empat aspek utama iaitu Perancangan dan Pelaksanaan, Tarbiyyah, Motivasi dan Kepimpinan. Selain itu tajuk-tajuk yang mirip tentang dakwah ini boleh di dapati di dalam buku tulisan Soleh Bin Abdullah Bin Hamid Dr. (1999). Buku ini banyak menerangkan metodologi dakwah yang digunakan di dalam al-Quran dan al-Hadis serta realiti yang berlaku di zaman sahabat.

Selain itu terdapat juga buku yang ditulis oleh Toha Abd. Al-Alim Redwan, Dr. (1989) *Fi Geografia al-Alamu al-Islami*. Buku ini banyak menerangkan tentang kedudukan masyarakat Islam seluruh dunia dari aspek geografi, iklim, bilangan

penduduk, sumber atau hasil negara, pemerataan dari apek pegangan agama-agama dan sejarah negara.

Khalid Ibn ‘Abd al-Rahman (1990: 7) mengatakan, "kalaulah ditumpukan perhatian kepada usaha pada waktu mutakhir ini, didapati keadaannya jauh berbeza dengan dakwah yang terdahulu".

Abdul al-Khalik Birzadah Dr. (1993a) menulis sebuah buku bertajuk *Ahammiyah al-Dakwah wa al-Tabligh Fi al-Islam Wa Madaa Wujub Ihtimam al-Musliminna Bi Hima*. Buku ini banyak menerangkan metodologi dakwah yang telah dilaksanakan oleh Jemaah Dakwah dan Tabligh dan penulis cuba untuk menjelaskan bahawa pengamalan jemaah dakwah dan Tabligh dari aspek praktikalnya tidak terkeluar dari ajaran Islam. Dakwah sekarang sering disebut sebagai tidak diusahakan di atas panduan yang jelas, tidak dilakukan secara lebih teratur, jelasnya dakwah sekarang tidak cuba mengikuti satu metodologi yang sesuai’.

Muhammad Husain (t.t :15) di dalam bukunya menerangkan tentang hubungan antara makhluk, katanya: "kalaulah dilihat kepada perkara-perkara yang wujud pada alam ini semuanya mempunyai cara yang tertentu , bagaimana cara ini diciptakan bagaimana cara ia dihapuskan bagaimana ia digerakkan, bagaimana ia dihentikan dan berbagai-bagai lagi. Hubungan antara sesuatu benda dengan cara dalam kehidupan di dunia ini sangat rapat, apa lagi kalau benda itu besar.

Oleh kerana suatu perkara yang besar dan mulia, maka sudah tentu ia tidak terpisah daripada caranya yang tersendiri. Al-Sayyid al-Wakil (1994:132) menjelaskan metodologi dakwah bukan di atas satu bentuk tertentu. Ia berdasarkan suasana, pemikiran, keadaan, dan sebagainya yang ada pada sasaran. Beliau menambah, tiada

uslub yang satu sahaja dalam dakwah, kerana setiap golongan ada uslub tertentu yang sesuai dan setiap pemikiran mempunyai khatib (percakapan) yang tertentu.

Dr. Yusuf al-Qardawi (1984) menegaskan, tekanan yang dikenakan terhadap usaha dakwah Islam, semakin menyempitnya ruang gerak untuk melaksanakan ajaran Islam yang sebenarnya. Ia merupakan sebab paling nyata yang mendorong lahirnya sikap ekstrem. Ekstrimisme bukan etika Islam.

Abdul Karim Zaidan, Dr. (1997) menjelaskan bahawa Islam yang akan di dakwahkan itu memerlukan pula pemahaman yang mantap oleh orang yang mendakwahkannya. Justeru itu penulis mengemukakan dahulu wajah Islam yang akan di dakwahkan, lalu membicarakan dakwah dalam segala macam ruang lingkungannya.

Abdullah bin Alwi al-Haddad (1980) telah menyenaraikan lapan golongan pendakwah antaranya Ulama', Ahli Zuhud dan Ibadah, Penguasa dan Pemerintah, Pedagang dan Pegawai, Kaum Lemah dan Fakir Miskin dan lainnya. Sebagai penutup, penulis memberi nasihat-nasihat yang berguna kepada lapan golongan yang disebutkan tadi dalam berdakwah.

Terdapat sebuah buku yang merupakan himpunan sepuluh artikel yang ditulis oleh pensyarah Kolej Universiti Islam Malaysia(KUIM). Perkara yang dibincangkan adalah merupakan masalah kemanusiaan semasa yang perlu diberi perhatian antaranya seperti; Globalisasi dan Keselamatan Sejagat, Konsep Kepimpinan dan Pengurusan, Membentuk Jatidiri Muslim di Era Globalisasi, Pengaruh Syaitan, Iblis dan Jin, Memahami al-Qur'an Sebagai Pedoman Hidup serta beberapa artikel lain lagi. Muhammad Yusuf Khalid, Syamsul Bahri Andi Galigo & Mohd Radhi Ibrahim(2002).

Abdul Ghafar Haji Don, Berhanudin Abdullah & Zulkiple Abd. Ghani (1998), memuatkan beberapa artikel yang kebanyakannya ditulis oleh pensyarah Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan (JPDK), Fakulti Pengajian Islam UKM. Penulisan ini yang mengemukakan tema Dakwah non-Muslim dari aspek konsep, falsafah dan kajian praktikal di beberapa lokasi pilihan adalah sebahagiannya hasil pengalaman kajian lapangan yang telah dijalankan oleh pensyarah-pensyarah di jabatan ini.

Nana Rukmana, H., Ir., D.W., MA. (2002), mengungkapkan salah satu kunci bagi kemajuan Islam dan umat Islam pada masa kini dan terlebih lagi pada masa yang akan datang, iaitu tentang bagaimana membangun sebuah masjid yang sesuai dengan budaya masyarakat sekitar dan juga yang sesuai dengan tuntutan Islam serta bagaimana mengelola masjid agar menjadi pusat dakwah yang efektif di tengah-tengah masyarakat.

Memahami Sejarah Dakwah merupakan satu kepentingan kepada umat Islam umumnya dan kepada para pendakwah khususnya untuk menjayakan dakwah Islamiyyah pada hari ini. Ini adalah kerana dalam sejarah dakwah terdapatnya pendekatan-pendekatan dakwah yang boleh diimplimentasikan dalam melakukan pelbagai aktiviti dakwah (Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, 2001).

Muhammad bin Alwi & Umar bin Muhammad (2003) menjelaskan, tugas juru dakwah ini sangat mirip dengan tugas ahli pemasaran. Keduanya berusaha menampilkan produk mereka dengan cara yang menarik agar terjadi proses muamalah. Peniaga dengan keuntungan, begitu juga dengan juru dakwah, apabila ia dapat menyampaikan dakwahnya dengan menarik, maka masyarakat akan mengamalkan nasihat-nasihatnya sehingga mereka dapat hidup tenteram, damai dan sejahtera; selamat dunia dan akhirat.

Ahmad Mahmud Abu Zaid. Terj. Usamah bin Hussein. (2003), membicarakan kriteria pendakwah masa kini dari aspek akhlak, tugas, sikap dan pendekatan yang digunakan dalam menyampaikan dakwah.

Ab. Aziz Mohd Zin. (2001), memberi pendedahan dan huraian agar memenuhi keperluan dakwah masa kini dan keperluan orang ramai yang berminat bagi mendapatkan pengetahuan tentang metodologi dakwah dalam bentuk semasa.

Habib Abdullah Haddad. Terj. Syed Ahmad Semait (2000), cuba menunjukkan pandangan Islam dalam segala pancaroba hidup berkaitan dengan peringatan-peringatan kepada pendakwah yang dibahagikan kepada lapan bab. Penulis menghuraikannya berpandukan kacamata Islam berdasarkan al-Qur'an dan Hadis Nabi s.a.w. serta pendapat para ulama' salihin.

Terdapat pendedahan beberapa pokok dakwah Islamiah yang perlu diketahui oleh setiap orang. Maklumat-maklumat yang terdapat di dalamnya akan memberi jawapan kepada persoalan-persoalan dalam isu-isu dakwah yang sering timbul di kalangan masyarakat. Ab. Aziz Mohd Zain (1999).

Abdul Ghafar Hj. Don dan Shamsul Bahri Andi Galigor (1998), telah mengumpulkan beberapa artikel yang kebanyakannya ditulis oleh pensyarah Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan (JPDK), Fakulti Pengajian Islam UKM. Penulisan ini mengupas isu-isu yang berkaitan dengan dakwah sebagai wahana penting dalam menjana masyarakat Madani.

Akmal bin Hj. Md Zin (2001) telah menyusun suatu sumbangsih khususnya kepada para ikhwan seagama dalam tujuan membina manusia dan kemanusiaan, terutama sekali kepada para mubaligh, da'i atau para pendakwah muda yang sedang baru memulakan langkah untuk menyampaikan kebenaran yang suci.

Zulkiple Abd Ghani dan Ahmad Redzuwan Mohd Yunus (1999) telah memuatkan 10 artikel yang membahaskan perihal memimpin manusia dalam dakwah dan politik bertujuan mengangkat martabat dan kemuliaan insan. Panduan dari Piagam Madinah sehinggalah kepada realiti politik semasa diungkap oleh para penulis dengan gaya ilmiah yang sesuai juga untuk tatapan umum.

Mohd Radhi Ibrahim, Abdul Rahim Arsyad, Rosilawati Ramliy dan Marina Munira Abdul Mutalib (2002) telah menghimpun serta membukukan kertas-kertas kerja yang dibentangkan dalam siri Wacana Dakwah dan Pengurusan Islam (WADPI). Kebanyakan dari kertas kerja yang dibentangkan adalah mengenai aliran pemikiran serta isu-isu dakwah masa kini yang berlaku di kalangan umat Islam.

Wan Hussein Azmi, Dato'. (1984) telah menggarap serta menerangkan beberapa topik penting serta maklumat-maklumat mengenai asas-asas ilmu dakwah sebelum menceburkan diri dalam alam dakwah. Ia mengupas sirah Rasulullah dalam berdakwah serta menggariskan beberapa sifat pendakwah yang perlu ada pada bakal pendakwah.

Di dalam keluaran yang lain, Wan Hussein Azmi, Dato'. (1988) telah menjelaskan secara ringkas tentang bentuk dan sifat dakwah Islamiah dan juga bentuk dan sifat pendakwah serta teknik dan cara dakwah yang betul berpandukan kepada al-Qur'an dan Sunah.

Abdullah Naseh 'Ulwan, Dr. (1988) telah menggariskan beberapa panduan untuk membekalkan para pendakwah dengan ilmu pengetahuan asas dan kelengkapan yang perlu dimiliki oleh seseorang pendakwah. Ia merupakan syarat asasi oleh seseorang yang mahu berjaya di dalam bidang dakwah.

Buku bertajuk Angkatan Belia Islam Malaysia (1993) merupakan gabungan beberapa kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Islam dan Perubahan Sosial. Ia menerangkan tentang gerakan-gerakan dakwah dahulu dan yang ada pada masa kini serta cabarannya mengharungi perubahan zaman. Ia bertujuan untuk mengukuhkan peranan gerakan dakwah sebagai *Partner in Nation Building*, bukan sebaliknya.

Ghazali Darusalam (1998) telah mengetengahkan beberapa isu bagi menjelaskan kepada umat Islam mengenai ancaman dan bahaya segala bentuk pemikiran, pemahaman, pembawaan dan budaya hidup yang berupa isme-isme barat.

Di dalam garapan yang berbeza, Ghazali Darusalam (1996) telah melakukan suatu kajian yang menyeluruh dari segi ilmu dakwah, pelaksanaannya dan institusi-institusi dakwah yang bergiat cergas di negara ini iaitu dari segi objektif, strategi dan kesannya kepada masyarakat sasaran.

Abdurrahman al-Baghdadi', Dr. (t.t) telah menghuraikan pelbagai perkara tentang peranan yang perlu dimainkan oleh umat Islam pada masa kini dalam meneruskan perjuangan dakwah yang digerakkan oleh Rasulullah s.a.w. Banyak tanggungjawab yang perlu dipikul oleh umat Islam dalam menjaga kesinambungan perjalanan dakwah Rasulullah s.a.w. Justeru, penulis turut membincangkan beberapa tanggungjawab yang

perlu disedari dan dilaksanakan oleh umat Islam dengan menjadikan dakwah Rasulullah s.a.w sebagai contoh serta panduan.

Mohd. Rumaizuddin Ghazali (2003) banyak menyentuh tentang beberapa prinsip yang menjadi pegangan apabila berdakwah, khususnya dalam masyarakat moden dan berbilang kaum seperti di Negara kita Malaysia. Turut dimuatkan di dalam buku ini ialah isu-isu semasa seperti keutamaan dakwah dalam konteks masyarakat Islam kini dan kepentingan iman dalam diri individu.

Abdullah Hassan, Prof. (2001) telah menerangkan tentang pelbagai strategi dan teknik komunikasi yang berkesan untuk kegunaan para pendakwah mendorong sasaran mengubah keyakinan, sikap dan tingkah laku mereka. Turut dimuatkan di dalam buku ini ialah teori-teori psikologi yang selaras dengan keperluan para pendakwah. Dikemukakan juga teori-teori dan teknik-teknik yang sangat popular di dalam bidang komunikasi persuasif untuk membantu pembaca memahami proses mempengaruhi orang-orang lain.

Berhanuddin Bin Abdullah (1997) telah membincangkan satu konsep kerja secara berkumpulan seperti mana yang diasaskan oleh Rasulullah s.a.w dan bertepatan dengan tuntutan Islam dan yang dimaksudkan di sini ialah suatu yang dikenali sebagai “Amal Jama’ie”. Penulis mengupas beberapa topik yang berkait rapat dengan Amal Jama’ie yang telah diasaskan oleh Rasulullah s.a.w. ini kerana, selagi umat Islam tidak dapat disatukan selama itulah mereka berada di dalam kemungkar dan menerima pelbagai cabaran serta permasalahan.

Dalam sebuah buku yang dikarang oleh Syeikhul Hadis Maulana Muhammad Zakariyya Kandahlavi (1999) yang berjudul Penderitaan Ummah dan Penyelesaiannya terjemahan oleh Abdul Aziz Bin Abdul Hamid adalah merupakan sebuah buku yang

menerangkan tentang terjemahan fasal keempat daripada bahagian-bahagian yang terdapat di dalam sebuah buku yang berjudul *al-I'tidal* iaitu kumpulan helaian surat yang digabungkan menjadi sebuah buku. Di mana surat tersebut adalah merupakan satu jawapan yang diberikan oleh Syiekhul Hadis tentang beberapa persoalan yang diajukan kepadanya berkaitan dengan perpecahan yang berlaku (pada tahun 1947) di kalangan umat Islam di negara India.

Bahagian keempat daripada surat jawapan yang telah dibukukan tersebut telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu yang sekali gus dibukukan. Justeru, di dalam buku ini diterangkan bermacam-macam kesalahan serta kemungkaran yang dilakukan oleh umat Islam sehingga Allah S.W.T menurunkan pelbagai fitnah sebagai satu pengajaran buat umat Islam dan juga diterangkan tentang jalan penyelesaian kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh umat Islam.

2.5 Kesimpulan

Pada dasarnya, masih terdapat banyak lagi kajian dan penulisan yang menyentuh secara langsung berkaitan dengan dakwah sama ada dari aspek pendakwah itu sendiri hinggalah kepada apa yang didakwahkan. Dakwah amat penting dalam membina sebuah masyarakat Islam yang sentiasa patuh kepada ajaran Islam yang sebenar. Justeru, program-program dakwah perlu dipertingkatkan dari masa ke semasa bagi memastikan setiap usaha yang dilakukan mendatangkan hasil yang baik. Medium pelaksanaan dakwah yang paling ideal adalah di masjid. Setiap masyarakat Muslim perlu melihat keperluan semasa untuk mempertingkatkan kualiti aqidah dan amalan umat Islam.

BAB III

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini akan menghuraikan tentang beberapa aspek yang berkaitan dengan pengkaedahan dan prosedur kajian. Tujuan kajian adalah untuk mengkaji mengenai metodologi dakwah yang digunakan serta pengaplikasiannya di beberapa daerah Negeri Johor. Dihuraikan juga kaedah dan tatacara kajian termasuk reka bentuk kajian, pemilihan sampel, instrumentasi, prosedur pengumpulan data dan teknik penganalisan data.

3.2 Metodologi Kajian

Metodologi kajian ialah teknik-teknik kajian yang mengkaji secara teratur dan teliti mengenai aspek sesuatu masalah itu. Dalam mengenal pasti metode kajian, perincian mungkin tidak begitu penting memandangkan cara dan teknik mungkin boleh diubahsuai selepas kajian awal dilakukan (Rohana Yusof, 2004; 185).

3.2.1 Kajian Perpustakaan

Antara Perpustakaan yang menjadi tumpuan penyelidik untuk mendapatkan sumber rujukan ialah Perpustakaan al-Azhar Mesir, Perpustakaan Sultanah Zanariah UTM, Perpustakaan Pusat Islam Johor, Perpustakaan Maahad Aliah Li al-Dirasah Islamiyah Johor, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'ba, Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Perpustakaan Tun Seri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Awam Islam Kuala Lumpur, Perpustakaan Negara Kuala Lumpur, Perpustakaan Sultan Ismail Johor Bahru, Perpustakaan Maktab Perguruan Temenggung Ibrahim Johor Bahru, dan Perpustakaan Maktab Perguruan Islam Bangi.

3.2.2 Kajian Lapangan

Kajian lapangan adalah merujuk kepada :

- i. Pusat Islam Johor
- ii. Jabatan Agama Islam Daerah Johor Bahru
- iii. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
- iv. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)
- v. Pusat Islam Kuala Lumpur
- vi. Pejabat Pendidikan Agama Daerah Johor Bahru
- vii. Pejabat Daerah Johor Bahru
- viii. Pejabat Pendidikan Daerah Johor Bahru
- ix. Pejabat Pemetaan Negeri Johor
- x. Jabatan Statistik Negeri Johor
- xi. Pejabat Abim Daerah Johor Bahru
- xii. Pejabat PERKIM Daerah Johor Bahru
- xiii. Pejabat JIM Daerah Johor Bahru
- xiv. Markaz Dakwah & Tabligh Johor Bahru
- xv. Markaz PAS Daerah Johor Bahru
- xvi. Pejabat Penerangan UMNO Negeri Johor
- xvii. Pejabat Penerangan UMNO Daerah Johor Bahru
- xviii. Pengetua & Guru Besar Sekolah Agama Swasta
- xix. Pengetua & Guru Besar Sekolah Kerajaan
- xx. Pengerusi-pengerusi masjid & surau
- xxi. Pengarah Masjid UTM Skudai, Johor
- xxii. Pengerusi Darul Ukhuwwah Taman Universiti Johor Bahru.

3.2.3 Metode Historis

Metode Historis digunakan untuk mendapatkan data yang mempunyai maklumat sejarah (Imam Bernadid, 1982: 55). Kajian ini dilakukan secara intensif ke atas satu unit kecil sosial seperti individu, satu keluarga, satu kampung, satu kelab, satu sekolah atau satu masyarakat. Selain itu ia juga mengkaji dan memeriksa individu atau unit sosial secara terperinci termasuklah menyelidiki pelbagai aspek pemboleh ubah yang terlibat daripada segi sejarah dan perkembangan subjek (Rohana Yusof, 2004; 226-227). Penulis menggunakan metode historis untuk mendapatkan maklumat mengenai latar belakang kawasan kajian secara umum. Selain itu, untuk mendapatkan maklumat berkaitan sejarah beberapa penubuhan pusat dakwah di Johor.

3.2.4 Metode Dokumentasi

Metode Dokumentasi ialah cara pengumpulan data dengan melakukan kajian terhadap dokumen-dokumen yang ada hubungan dengan masalah kajian. Dokumen itu termasuk sumber-sumber, potret, kumpulan undang-undang, autobiografi, surat-surat peribadi, buku-buku catatan harian, memori, surat khabar dan cerita rakyat (Imam Bernadid, 1982:52). Antara dokumen-dokumen yang dirujuk oleh penulis termasuklah kertas-kertas kerja persidangan, teks ucapan, dokumen berkaitan pihak pentadbiran dan sebagainya.

3.2.5 Metode Temu bual

Metode Temu bual ialah salah satu cara yang digunakan untuk mendapatkan keterangan atau pendirian secara langsung atau pendirian secara lisan daripada seseorang responden dengan cara bercakap secara bersemuka dengannya. Ia juga boleh dikategorikan sebagai alat pengumpulan data (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999: 46), serta mempunyai teknik tersendiri dalam melaksanakannya.

Ia dilakukan dengan menghantar pembanci atau penyelidik itu sendiri menemui responden yang dipilih bagi mendapat maklumat dari mulutnya sendiri (Rohana Yusof, 2004; 35). Dalam kajian, metode ini digunakan bagi mendapatkan data dan maklumat kawasan kajian sama ada melalui pejabat-pejabat Majlis perbandaran, imam-imam Masjid, Institusi-institusi agama yang berkaitan dan sebagainya.

3.2.6 Metode Observasi (Tinjauan)

Metode ini ialah satu daripada teknik penyelidikan yang sering digunakan. Bagi kaedah ini, satu perkara penting yang diutamakan ialah teknik pemilihan sampel kajian iaitu jenis responden yang patut digunakan agar ia dapat mewakili keseluruhan sampel yang hendak dikaji (Rohana Yusof, 2004; 157).

Metode observasi ialah satu cara pengumpulan data dengan mengkaji secara langsung terhadap aspek-aspek subjeknya di mana tujuan penyelidikan yang dilakukan dapat dirahsiakan. Penggunaan metode ini adalah bertujuan untuk mendapatkan data

yang saling melengkapi di antara data hasil dari metode ini dengan data hasil daripada metode yang lain-lain. Walaupun ia tidak dapat menerangkan kaitan lanjut kecuali pola dalam satu-satu masa tetapi jika dirancang dengan betul ia dapat membantu kajian lanjutan akan datang (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999: 46).

3.2.7 Metode Analisis Data

Dalam proses menganalisis data, penulis menggunakan metode berikut.

1) Metode Induktif

Induktif ialah membina ide dari pengalaman atau kesimpulan yang dibuat daripada pemerhatian am. (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999:4-7)

2) Metode Deduktif

Deduktif adalah keterbalikan daripada metode induktif. Deduktif ialah Kesimpulan yang dibuat daripada pemerhatian khusus kepada umum. Ia juga bermaksud pembinaan ide dalam pengalaman khusus berdasarkan kepada sesuatu teori yang telah wujud. (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999:4-7)

3) Metode Komparatif

Komparatif merupakan dimensi penting terutama dalam penyelidikan eksperimental. Dimensi ini melibatkan pemilihan unit analisis supaya perbandingan antara unit analisis boleh:

- a. Mengesan pengaruh suatu perubahan atau kejadian.
- b. Mengawal faktor atau variabel yang mengelirukan (*compounding*) supaya hasil penyelidikan lebih sahih.

Biasanya jenis pengamatan (pengukuran) untuk perbandingan berbentuk sebelum dan selepas eksperimen (pengujian). Perubahan yang berlaku antara dua jangka masa (sebelum / selepas) pengamatan dapat dikatakan berpunca daripada pengaruh variabel bebas atau eksperimental.

Seperkara yang boleh dijadikan panduan ialah usaha mengadakan perbandingan seperti itu boleh dilakukan pada beberapa kumpulan, yakni beberapa kumpulan eksperimental dan beberapa kumpulan kawalan. Ini bermaksud sekiranya penyelidik ingin menilai keberkesanan tiga jenis rancangan peningkatan pencapaian yang berlainan, maka mereka perlu mempunyai tiga kumpulan eksperimental dan tiga kumpulan kawalan.

Kumpulan perbandingan merupakan peringkat atau kategori yang berbeza-beza untuk satu variabel bebas (eksperimental). Sehubungan itu, variabel bebas boleh mempunyai dua kategori iaitu eksperimental (yang diuji kaji) dan kawalan. Malah variabel bebas boleh wujud dalam jumlah yang lebih banyak (Sulaiman Masri, 2005:27-28)

3.3 Reka bentuk Kajian

Kajian ini berbentuk deskriptif dan korelasi iaitu meninjau apakah metodologi dakwah yang digunakan di satu-satu kawasan dan sejauh mana pengaplikasiannya dalam proses menyebarkan dakwah.

3.4 Populasi dan Pensampelan

3.4.1 Populasi

Populasi bermaksud sekumpulan objek, benda kejadian ataupun individu yang mempunyai ciri-ciri yang sama yang ingin dikaji. Setiap individu atau objek dalam sesuatu populasi berkemungkinan berbeza-beza dalam banyak segi, namun ianya mestilah mempunyai tidak kurang daripada satu ciri yang sama (Rohana Yusof, 2004; 104-105).

Menurut Mohamad Najib (1999:4-7), populasi merupakan semua ahli di dalam suatu kelompok. Kajian ini akan menumpukan kepada penyelidikan untuk melakukan pemetaan dakwah dan menganalisis metodologi yang digunakan. Tetapi di dalam kajian ini hanya ditumpukan di daerah Johor Bahru yang terdiri daripada Skudai, Kulai, Pasir Gudang dan Johor Bahru. Johor Bahru mempunyai kawasan seluas 1,818 kilo meter persegi dan mempunyai populasi seramai 1,159,079 orang. Daripada jumlah tersebut seramai 508,764 orang Melayu. Sasaran kajian ini lebih tertumpu kepada masyarakat yang beragama Islam.

3.4.2 Pensampelan

Pensampelan ialah satu proses di mana sebilangan kecil daripada keseluruhan populasi dipilih dan dikaji bagi membolehkan kita membuat satu generalisasi berkaitan populasi itu (Rohana Yusof, 2004; 107).

Pensampelan bersistem dibuat secara rawak *stratified* sebanyak sepuluh peratus daripada penduduk di daerah Johor Bahru. Dipilih dengan menggunakan Jadual Digit Rawak. Bagi setiap mukim atau bandar, penyelidik telah mendapatkan senarai nama daripada pejabat agama, pejabat pendidikan dan NGO. Penyelidik telah berbincang dengan pihak berkenaan bagi mengenal pasti responden yang memenuhi kriteria kajian.

Cabutan nombor dibuat, bagi mendapatkan nombor x . Setiap responden yang namanya jatuh pada x , x_1 , x_2 akan dipilih sebagai responden. Langkah ini diulangi sehingga semua bilangan responden yang dikehendaki mencukupi 10 % daripada jumlah mereka yang aktif di dalam melaksanakan tanggungjawab dakwah. Selain itu, pemilihan sampel juga dilakukan dengan merujuk Jadual Pemilihan Sampel Krejcie dan Morgan.

Berasaskan kepada senarai Pejabat Agama Johor bilangan masjid di Daerah Johor Bahru sebanyak 116 buah, 253 buah surau dan lebih daripada 100 buah musolla dan 154 sekolah agama Kerajaan Johor. Manakala merujuk kepada Pejabat Pendidikan Daerah Johor Bahru terdapat 139 buah sekolah kerajaan dan 38 buah sekolah bantuan kerajaan. Ini tidak termasuk sekolah swasta dan agensi-agensi dakwah NGO. Bagi memilih sampel responden di daerah ini penyelidik telah memilih mukim / taman / bandar secara rawak. Penyelidik telah memasukkan bilangan nombor nama-nama tempat keseluruhannya dan dimasukkan ke dalam kotak. Penyelidik mengambil bilangan yang diperlukan daripada kotak tersebut. Nombor yang terpilih akan dirujuk kepada senarai nama tempat tersebut.

3.5 Instrumen Kajian

Instrumen kajian utama yang digunakan bagi pengumpulan data ialah soal selidik. Pembinaan instrumen kajian adalah hasil dari pengubahsuaian instrumen yang telah digunakan oleh penyelidik lepas dan rekaan penyelidik sendiri berdasarkan objektif yang ingin dicapai. Para responden yang terlibat dalam kajian ini dikehendaki memberikan pandangan mereka terhadap tiap-tiap kenyataan berdasarkan pilihan jawapan yang diberikan. Mereka perlu menandakan pilihan skor bagi item yang dipilih. Instrumen kajian yang digunakan bagi pengumpulan data ialah soal selidik.

3.5.1 Soal selidik

Set soal selidik ini telah dirangka dan dijadikan kepada tiga bahagian iaitu (1) kategori latar belakang responden (2) reaksi responden terhadap pelaksanaan program dakwah dan 3). pandangan dan cadangan responden terhadap program dakwah Ketiga-tiga bahagian soal selidik ini berasaskan definisi operasional dan persoalan kajian. Latar belakang responden.

Setiap bahagian soalan mempunyai cara menjawab yang berbeza sama ada berbentuk soalan Skala *Thurston*, Skala *Binari* dan juga Skala *Likert*. Bagi soalan berbentuk Skala *Thurston*, subjek hanya perlu menanda sekali sahaja pada satu soalan. Set soalan mungkin memiliki lebih dari lima pilihan jawapan (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999; 98). Manakala soalan berbentuk Skala *Binari* memerlukan subjek memilih sama ada 'ya' ataupun 'tidak'. Seseengah penulis menamakannya sebagai soalan dwipilihan.

Bagi soalan berbentuk Skala *Likert*, penggunaan empat skala (bilangan mata genap) pemeringkatan digunakan kerana subjek tidak dibenarkan memilih mata yang neutral (Abdul Majid Konting, 2004; 224). Ini bertujuan bagi mengelakkan data-data yang tidak mempunyai nilai diperoleh. Namun Sekiranya responden benar-benar tidak mengetahui jawapan tersebut, maka mereka dibenarkan untuk tidak menjawab bagi soalan tersebut. Jumlah keseluruhan soalan ialah 135 soalan. Kecenderungan respons responden secara keseluruhan dinilai dengan menggunakan skala di bawah.

Jadual 3.1 : Skala *Likert*

Skala	Skor	Singkatan
Sangat tidak setuju	1	STS
Tidak setuju	2	TS
Setuju	3	S
Sangat setuju	4	SS

Jadual 3.2 : Skala persetujuan (Peratus)

Skala	Peratus
Sangat tinggi	81 – 100
Tinggi	61 – 80
Sederhana	41 – 60
Rendah	21 – 40
Sangat rendah	1 – 20

Jadual 3.3 : Skala persetujuan (Min)

Skala	Min
Sangat tidak setuju	1.00 – 1.80
Tidak setuju	1.81 – 2.60
Setuju	2.61 – 3.40
Sangat setuju	3.41 – 4.20
Tidak menjawab	4.21 – 5.00

3.6 Kaedah Pengumpulan Data

Pengumpulan data dilakukan dengan mengumpulkan data-data yang diperolehi daripada data primer seperti pengamatan, soal selidik dan sebagainya dengan data sekunder iaitu data-data yang diperoleh daripada sumber-sumber dokumentari dan kajian perpustakaan (Rohana Yusof, 2004; 160-161).

Kaedah perjumpaan dengan responden secara peribadi juga telah digunakan untuk pengumpulan data kajian. Pasukan penyelidik telah pergi ke lokasi kajian untuk mentadbir soal selidik bagi responden. Sesi dialog, temu bual secara rasmi dan tidak rasmi juga dilaksanakan dengan mengikut jadual yang telah dirancang. Pengamatan dan tinjauan secara langsung dan tidak langsung dilaksanakan bagi menghasilkan data yang mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi.

3.7 Analisis Data

Data yang di kumpul melalui set soal selidik telah diproses dengan menggunakan Pakej Statistik Sains Sosial, iaitu SPSS versi 14.0. Statistik deskriptif, iaitu kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai telah digunakan untuk menganalisis dan menghuraikan data berkaitan dengan soal selidik kategori latar belakang responden serta metode serta permasalahan dakwah.

Analisis inferensi, iaitu korelasi, ujian-t, dan ANOVA telah dijalankan untuk melihat sama ada terdapat perkaitan antara latar belakang responden dengan metodologi dakwah yang digunakan di kawasan kajian atau sebaliknya.

3.8 Jangka masa Kajian

Kajian ini telah bermula pada awal 1 Januari 2005 dengan pemilihan tajuk projek oleh penyelidik dengan kelulusan Dekan Research Management Centre UTM. Untuk proses seterusnya, penyelidik mula mengumpul seberapa banyak mungkin bahan-bahan kajian yang bakal digunakan bagi tujuan kajian dan penulisan ini. Penulisan bagi bab satu hingga tiga telah dilakukan secara berperingkat-peringkat. Kerja-kerja penulisan dan kemasukan fakta-fakta atau maklumat penting telah berjaya disiapkan pada bulan Julai. Setelah borang soal selidik diisi oleh responden, kerja-kerja pengumpulan dan seterusnya kerja-kerja menganalisis data dilakukan dalam bab empat dan bab lima sehingga pertengahan bulan Mei 2006. Proses penyempurnaan projek dilakukan setelah selesai penulisan bab satu hingga lima.

3.9 Kesimpulan

Dalam bab ini, penyelidik telah menggariskan beberapa perkara penting yang digunakan sebagai panduan dalam menjalankan kajian. Beberapa perkara penting seperti reka bentuk kajian, populasi kajian, sampel kajian, instrumen kajian, tatacara kajian, kaedah menganalisis data dan jangka masa kajian dimuatkan dalam bab ini. Bab ini amat penting kepada penyelidik kerana ia memberi gambaran dan garis panduan kepada penyelidik dalam menjalankan kajian ini.

BAB IV

ANALISIS DATA

4.1 Pengenalan

Dalam bab ini akan membicarakan mengenai keputusan analisis data berdasarkan semua maklum balas yang telah diperolehi. Data maklumat ini telah dikumpulkan dengan menggunakan borang soal selidik yang telah diedarkan. Sebanyak 531 set soal selidik telah diedarkan kepada responden dari empat kawasan kajian. Cara pengedaran soal selidik ini dilakukan secara rawak di mana ia mewakili kesemua penduduk terutama mereka yang mengimarahkan masjid-masjid di kawasan-kawasan tersebut.

Pemprosesan data soal selidik menggunakan "*SPSS Version 14.0 for Windows*" dilakukan untuk menentukan kekerapan, peratusan dan min bagi setiap item. Penganalisan ini telah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian latar belakang dan soal selidik. Bahagian latar belakang adalah berkaitan dengan jantina, umur, tahap pendidikan, pekerjaan, waktu bekerja, status diri, pendapatan kawasan kediaman dan jenis kediaman responden.

Pada bahagian kedua mengandungi pernyataan-pernyataan berkaitan dengan metodologi dakwah dan pengaplikasiannya di empat buah kawasan yang dikaji. Keputusan kajian dibuat dengan menganalisis setiap item yang dikemukakan dalam bentuk jadual.

4.2 Analisis Data Bahagian A: Latar Belakang Responden

Jadual 4.1: Maklumat responden mengikut jantina

Kategori		Skudai	Kulai	Pasir Gudang	Johor Bahru	Jumlah
Jantina	Lelaki	222 90.2%	44 73.3%	68 61.8%	93 80.9%	427 80.4%
	Perempuan	24 9.8%	16 26.7%	42 38.2%	22 19.1%	104 19.6%
Jumlah		246 100.0%	60 100.0%	110 100.0%	115 100.0%	531 100.0%

Jadual 4.1 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden berdasarkan jantina mengikut empat buah kawasan kajian. Bagi kawasan Skudai, seramai 222 orang (90.2%) responden terdiri daripada responden lelaki dan responden perempuan seramai 24 orang (9.8%). Bagi kawasan Kulai pula, responden lelaki adalah seramai 44 orang (73.3%) dan responden perempuan pula seramai 16 orang (26.7%). Manakala bagi kawasan Pasir Gudang pula, responden lelaki adalah seramai 68 orang (61.8%) dan responden perempuan adalah seramai 42 orang (38.2%). Bagi kawasan yang terakhir iaitu kawasan Johor Bahru, seramai 427 orang responden lelaki iaitu (80.9%) dan responden perempuan seramai 22 orang (19.1%).

Jadual 4.2: Umur

Kategori		Skudai	Kulai	Pasir Gudang	Johor Bahru	Jumlah	
Umur	10-20 Tahun	23	8	5	2	38	
		9.3%	13.3%	4.5%	1.7%	7.2%	
	21-30 Tahun	60	10	15	9	94	
		24.4%	16.7%	13.6%	7.8%	17.7%	
	31-40 Tahun	37	10	29	8	86	
		15.0%	16.7%	26.4%	7.0%	16.2%	
	41-50 Tahun	68	9	40	18	138	
		27.6%	15.0%	36.4%	15.7%	26.0%	
	51-60 Tahun	37	12	13	36	94	
		15.0%	20.0%	11.8%	31.3%	17.7%	
	60 Tahun ke atas	21	11	8	42	81	
		8.5%	18.3%	7.3%	36.5%	15.3%	
	Jumlah		246	60	110	115	531
			100.0%	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%

Jadual 4.2 menunjukkan jumlah responden mengikut umur berdasarkan empat kawasan kajian. Kawasan Skudai terdiri daripada responden yang berumur 10-20 tahun iaitu seramai 23 orang (9.3%), yang berumur antara 21-30 tahun seramai 60 orang (24.4%), yang berumur 31-40 tahun adalah seramai 37 orang (15.0%), yang berumur 41-50 tahun seramai 68 orang (27.6%), manakala yang berumur 51-60 tahun adalah seramai 37 orang (15.0%) dan yang terakhir berumur 60 tahun ke atas adalah seramai 21 orang (8.5%).

Bagi kawasan Kulai pula responden yang berumur 10-20 tahun iaitu seramai 8 orang (13.3%), yang berumur antara 21-30 tahun seramai 10 orang (16.7%), yang berumur 31-40 tahun adalah seramai 10 orang (16.7%), yang berumur 41-50 tahun seramai 9 orang (15.0%), manakala yang berumur 51-60 tahun adalah seramai 12 orang (20.0%) dan yang terakhir berumur 60 tahun ke atas adalah seramai 11 orang (18.3%).

Manakala kawasan Pasir Gudang pula responden yang berumur 10-20 tahun iaitu seramai 5 orang (4.5%), yang berumur antara 21-30 tahun seramai 15 orang (13.6%), yang berumur 31-40 tahun adalah seramai 29 orang (26.4%), yang berumur 41-50 tahun seramai 40 orang (36.4%), manakala

yang berumur 51-60 tahun adalah seramai 13 orang (11.8%) dan yang terakhir berumur 60 tahun ke atas adalah seramai 8 orang (7.3%).

Bagi kawasan yang terakhir iaitu Johor Bahru, responden yang berumur 10-20 tahun iaitu seramai 2 orang (1.7%), yang berumur antara 21-30 tahun seramai 9 orang (7.8%), yang berumur 31-40 tahun adalah seramai 8 orang (7.0%), yang berumur 41-50 tahun seramai 18 orang (15.7%), manakala yang berumur 51-60 tahun adalah seramai 36 orang (31.3%) dan yang terakhir berumur 60 tahun ke atas adalah seramai 42 orang (36.5%).

Jadual 4.3: Pendidikan

Kategori		Skudai	Kulai	Pasir Gudang	Johor Bahru	Jumlah
Tahap pendidikan	Tidak Bersekolah	1 0.4%	0 0.0%	1 0.9%	1 0.9%	3 0.6%
	Sekolah Rendah	17 6.9%	7 11.7%	14 12.7%	15 13.0%	53 10.0%
	Sekolah Menengah	107 43.5%	32 53.3%	59 53.6%	54 47.0%	252 47.5%
	Diploma/Maktab/Kolej	38 15.4%	14 23.3%	17 15.5%	25 21.7%	94 17.7%
	Ijazah	59 24.0%	5 8.3%	14 12.7%	13 11.3%	91 17.1%
	Sarjana	19 7.7%	1 1.7%	3 2.7%	5 4.3%	28 5.3%
	Ph.D	5 2.0%	1 1.7%	2 1.8%	2 1.7%	10 1.9%
	Jumlah	246 100.0%	60 100.0%	110 100.0%	115 100.0%	531 100.0%

Jadual 4.3 menunjukkan jumlah responden berdasarkan tahap pendidikan mengikut empat buah kawasan kajian. Bagi kawasan Skudai, bilangan responden yang tidak bersekolah ialah seramai seorang sahaja iaitu 0.4%. Responden yang hanya bersekolah rendah ialah seramai 17 orang (6.9%), responden yang berkelulusan sekolah menengah pula ialah seramai 107 orang (43.5%), responden yang berkelulusan Diploma/Maktab/Kolej seramai 38 orang (15.4%), responden yang mempunyai

kelulusan Ijazah pula seramai 59 orang (24.0%). Terdapat juga responden yang berkelulusan Sarjana iaitu seramai 19 orang (7.7%) dan bilangan responden yang berkelulusan Ph.D pula ialah seramai 5 orang (2.0%).

Bagi kawasan Kulai pula tahap pendidikan yang paling rendah ialah mereka yang berkelulusan sekolah rendah iaitu seramai 7 orang (11.7%). Responden yang hanya berkelulusan sekolah menengah ialah seramai 32 orang (53.3%), bilangan responden yang berkelulusan Diploma/Maktab/Kolej seramai 14 orang (23.3%), responden yang mempunyai kelulusan Ijazah pula seramai 5 orang (8.3%). Terdapat juga responden yang berkelulusan Sarjana iaitu seramai seorang sahaja (1.7%) dan bilangan responden yang berkelulusan Ph.D juga ialah seorang (1.7%).

Manakala kawasan Pasir Gudang hanya seorang sahaja (0.9%) responden yang tidak bersekolah. Responden yang hanya berkelulusan sekolah rendah ialah seramai 14 orang (12.7%). Responden yang berkelulusan sekolah menengah pula ialah seramai 59 orang (53.6%), responden yang berkelulusan Diploma/Maktab/Kolej seramai 17 orang (15.5%), responden yang mempunyai kelulusan Ijazah pula seramai 14 orang (12.7%). Terdapat juga responden yang berkelulusan Sarjana iaitu seramai 3 orang (2.7%) dan bilangan responden yang berkelulusan Ph.D pula ialah seramai 2 orang (1.8%).

Bagi kawasan yang terakhir iaitu Johor Bahru, bilangan mereka yang tidak bersekolah ialah seramai seorang sahaja iaitu 0.9%. Responden yang berkelulusan sekolah rendah ialah seramai 15 orang (13.0%). Responden yang berkelulusan sekolah menengah pula ialah seramai 54 orang (47.0%), responden yang berkelulusan Diploma/Maktab/Kolej seramai 25 orang (21.7%), responden yang mempunyai kelulusan Ijazah pula seramai 13 orang (11.3%). Terdapat juga responden yang berkelulusan Sarjana iaitu seramai 5 orang (4.3%) dan bilangan responden yang berkelulusan Ph.D pula ialah seramai 2 orang (1.7%).

Jadual 4.4: Bidang pekerjaan

Kategori		Skudai	Kulai	Pasir Gudang	Johor Bahru	Jumlah
Bidang pekerjaan	Profesional/Teknikal	47	9	29	22	107
		19.1%	15.0%	26.4%	19.1%	20.2%
	Pentadbiran/Pengurusan	28	7	8	4	47
		11.4%	11.7%	7.3%	3.5%	8.9%
	Perkeranian	23	3	6	8	40
		9.3%	5.0%	5.5%	7.0%	7.5%
	Pelajar	55	7	7	2	71
		22.4%	11.7%	6.4%	1.7%	13.4%
	Perniagaan	21	3	8	9	41
		8.5%	5.0%	7.3%	7.8%	7.7%
	Perkhidmatan	23	8	10	4	45
		9.3%	13.3%	9.1%	3.5%	8.5%
	Pertanian/Ternakan/Perhutanan/Nelayan/Pemburu	3	0	0	0	3
		1.2%	0.0%	0.0%	0.0%	0.6%
Pekerja Pengeluaran/Operator Pengangkutan/Buruh	9	3	14	3	29	
	3.7%	5.0%	12.7%	2.6%	5.5%	
Tidak Bekerja	16	9	24	17	66	
	6.5%	15.0%	21.8%	14.8%	12.4%	
Pesara	21	11	4	46	82	
	8.5%	18.3%	3.6%	40.0%	15.4%	
Jumlah		246	60	110	115	531
		100.0%	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%

Jadual 4.4 menunjukkan jumlah responden berdasarkan bidang pekerjaan mengikut empat buah kawasan kajian. Bagi kawasan Skudai, bilangan responden yang bekerja di bidang profesional/teknikal ialah seramai 47 orang (19.1%), responden yang bekerja di bidang pentadbiran/pengurusan ialah seramai 28 orang (11.4%), bilangan responden yang bekerja di bidang perkeranian ialah seramai 23 orang (9.3%). Terdapat juga responden yang masih belajar iaitu seramai 55 orang (22.4%), responden yang terlibat dalam perniagaan seramai 21 orang (8.5%), responden yang bekerja di bidang perkhidmatan pula seramai 23 orang (9.3%), responden yang bekerja di bidang pertanian/ternakan/ perhutanan/nelayan/perburuan pula seramai 3 orang (1.2%). Selain itu, responden yang bekerja sebagai pekerja pengeluaran/operator pengangkutan/buruh pula seramai 9 orang (3.7%). Terdapat juga responden yang tidak bekerja iaitu seramai 16 orang (6.5%) dan pesara pula seramai 21 orang (8.5%).

Bagi kawasan Kulai pula bilangan responden yang bekerja di bidang profesional/teknikal ialah seramai 9 orang (15.0%), responden yang bekerja di bidang pentadbiran/pengurusan ialah seramai 7 orang (11.7%), bilangan responden yang bekerja di bidang perkeranian ialah seramai 3 orang (5.0%). Terdapat juga responden yang masih belajar iaitu seramai 7 orang (11.7%), responden yang terlibat dalam perniagaan seramai 3 orang (5.0%), responden yang bekerja di bidang perkhidmatan pula seramai 8 orang (13.3%). Bagi kawasan Kulai, tidak terdapat seorang pun responden yang bekerja di bidang pertanian/ternakan/ perhutanan/ nelayan/ perburuan. Selain itu, responden yang bekerja sebagai pekerja pengeluaran/operator pengangkutan/buruh pula seramai 3 orang (5.0%). Terdapat juga responden yang tidak bekerja iaitu seramai 9 orang (15.0%) dan pesara pula seramai 11 orang (18.3%).

Manakala kawasan Pasir Gudang pula bilangan responden yang bekerja di bidang profesional/teknikal ialah seramai 29 orang (26.4%), responden yang bekerja di bidang pentadbiran/pengurusan ialah seramai 8 orang (7.3%), bilangan responden yang bekerja di bidang perkeranian ialah seramai 6 orang (5.5%). Terdapat juga responden yang masih belajar iaitu seramai 7 orang (6.4%), responden yang terlibat dalam perniagaan seramai 8 orang (7.3%), responden yang bekerja di bidang perkhidmatan pula seramai 10 orang (9.1%). Bagi kawasan Pasir Gudang, tidak terdapat seorang pun responden yang bekerja di bidang pertanian/ternakan/ perhutanan/ nelayan/ perburuan. Selain itu, responden yang bekerja sebagai pekerja pengeluaran/operator pengangkutan/buruh pula seramai 14 orang (12.7%). Terdapat juga responden yang tidak bekerja iaitu seramai 24 orang (21.8%) dan pesara pula seramai 4 orang (3.6%).

Bagi kawasan yang terakhir iaitu Johor Bahru, bilangan responden yang bekerja di bidang profesional/teknikal ialah seramai 22 orang (19.1%), responden yang bekerja di bidang pentadbiran/pengurusan ialah seramai 4 orang (3.5%), bilangan responden yang bekerja di bidang perkeranian ialah seramai 8 orang (7.0%). Terdapat juga responden yang masih belajar iaitu seramai 2 orang (1.7%), responden yang terlibat dalam perniagaan seramai 9 orang (7.8%), responden yang bekerja di bidang perkhidmatan pula seramai 4 orang (3.5%). Bagi kawasan Johor Bahru juga tidak terdapat seorang pun responden yang bekerja di bidang pertanian/ternakan/ perhutanan/ nelayan/

perburuan. Selain itu, responden yang bekerja sebagai pekerja pengeluaran/operator pengangkutan/buruh pula seramai 3 orang (2.6%). Terdapat juga responden yang tidak bekerja iaitu seramai 17 orang (14.8%) dan pesara pula seramai 46 orang (40.0%).

Jadual 4.5: Waktu bekerja

Kategori		Skudai	Kulai	Pasir Gudang	Johor Bahru	Jumlah
Waktu bekerja	Malam	3	2	0	1	6
		1.2%	3.3%	0.0%	0.9%	1.1%
	Siang	134	26	51	37	244
		54.5%	43.3%	46.4%	32.2%	46.0%
	Tidak menentu	33	12	27	23	95
		13.4%	20.0%	24.5%	20.0%	17.9%
	Tidak menjawab	76	20	32	54	186
		30.9%	33.3%	29.1%	47.0%	35.0%
Jumlah		246	60	110	115	531
		100.0%	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%

Jadual 4.5 menunjukkan jumlah responden berdasarkan waktu mereka bekerja mengikut empat buah kawasan kajian. Bagi kawasan Skudai, bilangan responden yang bekerja pada waktu malam ialah seramai 3 orang (1.2%), responden yang bekerja pada waktu siang pula ialah seramai 134 orang (54.5%), bilangan responden yang bekerja pada waktu yang tidak menentu iaitu tidak tetap ialah seramai 33 orang (13.4%). Terdapat juga responden yang tidak menjawab iaitu seramai 76 orang (30.9%).

Bagi kawasan Kulai pula bilangan responden yang bekerja pada waktu malam ialah seramai 2 orang (3.3%), responden yang bekerja pada waktu siang pula ialah seramai 26 orang (43.3%), bilangan responden yang bekerja pada waktu yang tidak menentu iaitu tidak tetap ialah seramai 12 orang (20.0%) dan bilangan responden yang tidak menjawab pula ialah seramai 20 orang (33.3%).

Manakala kawasan Pasir Gudang pula tidak ada seorang pun responden yang bekerja pada waktu malam. Bilangan responden yang bekerja pada waktu siang ialah seramai 51 orang (46.4%), bilangan responden yang bekerja pada waktu yang tidak menentu iaitu tidak tetap ialah seramai 27 orang (24.5%) dan bilangan responden yang tidak menjawab pula ialah seramai 32 orang (29.1%).

Bagi kawasan yang terakhir iaitu Johor Bahru, bilangan responden yang bekerja pada waktu malam ialah seorang sahaja (0.9%), responden yang bekerja pada waktu siang pula ialah seramai 37 orang (32.2%), bilangan responden yang bekerja pada waktu yang tidak menentu iaitu tidak tetap ialah seramai 23 orang (20.0%) dan bilangan responden yang tidak menjawab pula ialah seramai 54 orang (47.0%).

Jadual 4.6: Status

Kategori		Skudai	Kulai	Pasir Gudang	Johor Bahru	Jumlah
Status	Telah Berkahwin	162 65.9%	40 66.7%	91 82.7%	99 86.1%	392 73.8%
	Bujang	77 31.3%	18 30.0%	14 12.7%	12 10.4%	121 22.8%
	Ibu/Bapa tunggal	7 2.8%	2 3.3%	5 4.5%	4 3.5%	18 3.4%
Jumlah		246 100.0%	60 100.0%	110 100.0%	115 100.0%	531 100.0%

Jadual 4.6 menunjukkan jumlah responden berdasarkan status mengikut empat buah kawasan kajian. Bagi kawasan Skudai, bilangan responden yang telah berkahwin ialah seramai 162 orang (65.9%), responden yang berstatus bujang pula ialah seramai 77 orang (31.3%). Terdapat juga responden yang berstatus ibu/bapa tunggal iaitu seramai 7 orang (2.8%).

Bagi kawasan Kulai pula bilangan responden yang telah berkahwin ialah seramai 40 orang (66.7%), responden yang berstatus bujang pula ialah seramai 18 orang (30.0%). Manakala responden yang berstatus ibu/bapa tunggal iaitu seramai 2 orang (3.3%).

Manakala kawasan Pasir Gudang pula bilangan responden yang telah berkahwin ialah seramai 91 orang (82.7%), responden yang berstatus bujang pula ialah seramai 14 orang (12.7%). Manakala responden yang berstatus ibu/bapa tunggal iaitu seramai 5 orang (4.5%).

Bagi kawasan yang terakhir iaitu Johor Bahru, bilangan responden yang telah berkahwin ialah seramai 99 orang (86.1%), responden yang berstatus bujang pula ialah seramai 12 orang (10.4%). Manakala responden yang berstatus ibu/bapa tunggal iaitu seramai 4 orang (3.5%).

Jadual 4.7: Pendapatan

Kategori		Skudai	Kulai	Pasir Gudang	Johor Bahru	Jumlah
Pendapatan	Tiada Pendapatan	66 26.8%	11 18.3%	29 26.4%	13 11.3%	119 22.4%
	RM 500 ke bawah	13 5.3%	6 10.0%	10 9.1%	13 11.3%	42 7.9%
	RM 501-1000	32 13.0%	17 28.3%	13 11.8%	26 22.6%	88 16.6%
	RM 1001-1500	35 14.2%	7 11.7%	16 14.5%	16 13.9%	74 13.9%
	RM 1501-2000	43 17.5%	6 10.0%	8 7.3%	17 14.8%	74 13.9%
	RM 2001-3000	23 9.3%	9 15.0%	18 16.4%	15 13.0%	65 12.2%
	RM 3001 dan ke atas	34 13.8%	4 6.7%	16 14.5%	15 13.0%	69 13.0%
	Jumlah	246 100.0%	60 100.0%	110 100.0%	115 100.0%	531 100.0%

Jadual 4.7 menunjukkan jumlah responden berdasarkan pendapatan mereka mengikut empat buah kawasan kajian. Bagi kawasan Skudai, bilangan responden yang tiada pendapatan ialah seramai 66 orang (26.8%), responden yang berpendapatan RM 500 ke bawah ialah seramai 13 orang (5.3%), responden yang berpendapatan RM501-1000 pula ialah seramai 32 orang (13.0%). Manakala responden yang mempunyai jumlah pendapatan sebanyak RM 1001-1500 pula ialah seramai 35 orang (14.2%), responden yang mempunyai pendapatan RM 1501-2000 pula ialah 43 orang (17.5%),

responden yang mempunyai pendapatan sebanyak RM 2001-3000 pula ialah seramai 23 orang (9.3%) dan responden yang mempunyai pendapatan RM 3001 dan ke atas ialah seramai 34 orang (13.8%).

Bagi kawasan Kulai pula bilangan responden yang tiada pendapatan ialah seramai 11 orang (18.3%), responden yang berpendapatan RM 500 ke bawah ialah seramai 6 orang (10.0%), responden yang berpendapatan RM501-1000 pula ialah seramai 17 orang (28.3%). Manakala responden yang mempunyai jumlah pendapatan sebanyak RM 1001-1500 pula ialah seramai 7 orang (11.7%), responden yang mempunyai pendapatan RM 1501-2000 pula ialah 6 orang (10.0%), responden yang mempunyai pendapatan sebanyak RM 2001-3000 pula ialah seramai 9 orang (15.0%) dan responden yang mempunyai pendapatan RM 3001 dan ke atas ialah seramai 4 orang (6.7%).

Manakala kawasan Pasir Gudang pula bilangan responden yang tiada pendapatan ialah seramai 29 orang (26.4%), responden yang berpendapatan RM 500 ke bawah ialah seramai 10 orang (9.1%), responden yang berpendapatan RM501-1000 pula ialah seramai 13 orang (11.8%). Manakala responden yang mempunyai jumlah pendapatan sebanyak RM 1001-1500 pula ialah seramai 16 orang (14.5%), responden yang mempunyai pendapatan RM 1501-2000 pula ialah 8 orang (7.3%), responden yang mempunyai pendapatan sebanyak RM 2001-3000 pula ialah seramai 18 orang (16.4%) dan responden yang mempunyai pendapatan RM 3001 dan ke atas ialah seramai 16 orang (14.5%).

Bagi kawasan yang terakhir iaitu Johor Bahru, bilangan responden yang tiada pendapatan ialah seramai 13 orang (11.3%), responden yang berpendapatan RM 500 ke bawah ialah seramai 13 orang (11.3%), responden yang berpendapatan RM501-1000 pula ialah seramai 26 orang (22.6%). Manakala responden yang mempunyai jumlah pendapatan sebanyak RM 1001-1500 pula ialah seramai 16 orang (13.9%), responden yang mempunyai pendapatan RM 1501-2000 pula ialah 17 orang (14.8%), responden yang mempunyai pendapatan sebanyak RM 2001-3000 pula ialah seramai 15 orang (13.0%) dan responden yang mempunyai pendapatan RM 3001 dan ke atas ialah seramai 15 orang (13.0%).

Jadual 4.8: Kawasan kediaman

Kategori		Skudai	Kulai	Pasir Gudang	Johor Bahru	Jumlah
Kawasan kediaman	Bandar Raya	25	1	10	67	103
		10.2%	1.7%	9.1%	58.3%	19.4%
	Bandar	104	36	77	30	247
		42.3%	60.0%	70.0%	26.1%	46.5%
	Pinggir Bandar	103	18	20	8	149
		41.9%	30.0%	18.2%	7.0%	28.1%
	Kampung	14	5	3	10	32
		5.7%	8.3%	2.7%	8.7%	6.0%
Jumlah		246	60	110	115	531
		100.0%	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%

Jadual 4.8 menunjukkan jumlah responden berdasarkan kawasan kediaman mengikut empat buah kawasan kajian. Bagi kawasan Skudai, bilangan responden yang tinggal di kawasan bandar raya ialah seramai 25 orang (10.2%), responden yang tinggal di kawasan bandar ialah seramai 104 orang (42.3%), responden yang tinggal di kawasan pinggir bandar pula ialah seramai 103 orang (41.9%). Manakala responden yang tinggal di kawasan kampung pula ialah seramai 14 orang (5.7%).

Bagi kawasan Kulai pula bilangan responden yang tinggal di kawasan bandar raya ialah seramai seorang sahaja iaitu 1.7%, responden yang tinggal di kawasan bandar ialah seramai 36 orang (60.0%), responden yang tinggal di kawasan pinggir bandar pula ialah seramai 18 orang (30.0%). Manakala responden yang tinggal di kawasan kampung pula ialah seramai 5 orang (8.3%).

Manakala kawasan Pasir Gudang pula bilangan responden yang tinggal di kawasan bandaraya ialah seramai 10 orang (9.1%), responden yang tinggal di kawasan bandar ialah seramai 77 orang (70.0%), responden yang tinggal di kawasan pinggir bandar pula ialah seramai 20 orang (18.2%). Manakala responden yang tinggal di kawasan kampung pula ialah seramai 3 orang (2.7%).

Bagi kawasan yang terakhir iaitu Johor Bahru, bilangan responden yang tinggal di kawasan bandar raya ialah seramai 67 orang (58.3%), responden yang tinggal di kawasan bandar ialah seramai 30 orang (26.1%), responden yang tinggal di kawasan pinggir bandar pula ialah seramai 8 orang (7.0%). Manakala responden yang tinggal di kawasan kampung pula ialah seramai 10 orang (8.7%).

Jadual 4.9: Jenis kediaman yang diduduki

Kategori		Skudai	Kulai	Pasir Gudang	Johor Bahru	Jumlah
Jenis kediaman yang diduduki	Mewah	8	0	4	16	28
		3.3%	0.0%	3.6%	13.9%	5.3%
	Sederhana	170	46	95	77	388
		69.1%	76.7%	86.4%	67.0%	73.1%
	Flet	46	2	5	8	61
		18.7%	3.3%	4.5%	7.0%	11.5%
	Perkampungan	11	9	4	13	37
4.5%		15.0%	3.6%	11.3%	7.0%	
Setinggalan	2	0	0	0	2	
	0.8%	0.0%	0.0%	0.0%	0.4%	
Rumah murah	9	3	2	1	15	
	3.7%	5.0%	1.8%	0.9%	2.8%	
Jumlah		246	60	110	115	531
		100.0%	100.0%	100.0%	100.0%	100.0%

Jadual 4.9 menunjukkan jumlah responden berdasarkan jenis kediaman yang diduduki mengikut empat buah kawasan kajian. Bagi kawasan Skudai, bilangan responden yang tinggal di rumah jenis mewah ialah seramai 8 orang (3.3%), responden yang tinggal di rumah jenis sederhana pula ialah seramai 170 orang (69.1%). Manakala responden yang tinggal di rumah flet pula ialah seramai 46 orang (18.7%). Terdapat juga responden yang tinggal di rumah kampung iaitu seramai 11 orang (4.5%), bilangan responden yang tinggal di rumah setinggalan pula seramai 2 orang (0.8%) dan bilangan responden yang tinggal di rumah murah pula ialah seramai 9 orang (3.7%).

Bagi kawasan Kulai pula tidak ada responden yang tinggal di rumah jenis mewah. Responden yang tinggal di rumah jenis sederhana ialah seramai 46 orang (76.7%). Manakala responden yang tinggal di rumah flet pula ialah seramai 2 orang (3.3%). Terdapat juga responden yang tinggal di

rumah kampung iaitu seramai 9 orang (15.0%). Namun begitu, tidak terdapat seorang pun responden yang tinggal di rumah setinggan. Bilangan responden yang tinggal di rumah murah pula ialah seramai 3 orang (5.0%).

Manakala kawasan Pasir Gudang pula seramai 4 orang (3.6%) responden yang tinggal di rumah jenis mewah. Responden yang tinggal di rumah jenis sederhana ialah seramai 95 orang (86.4%). Manakala responden yang tinggal di rumah flet pula ialah seramai 5 orang (4.5%). Terdapat juga responden yang tinggal di rumah kampung iaitu seramai 4 orang (3.6%). Namun begitu, tidak terdapat seorang pun responden yang tinggal di rumah setinggan. Bilangan responden yang tinggal di rumah murah pula ialah seramai 2 orang (1.8%).

Bagi kawasan yang terakhir iaitu Johor Bahru, seramai 16 orang (13.9%) responden yang tinggal di rumah jenis mewah. Responden yang tinggal di rumah jenis sederhana ialah seramai 77 orang (67.0%). Manakala responden yang tinggal di rumah flet pula ialah seramai 8 orang (7.0%). Terdapat juga responden yang tinggal di rumah kampung iaitu seramai 13 orang (11.3%). Namun begitu, tidak terdapat seorang pun responden yang tinggal di rumah setinggan. Bilangan responden yang tinggal di rumah murah pula ialah seramai 1 orang (0.9%).

4.3 Analisis Data Bahagian B : Reaksi Responden Terhadap Program Dakwah

Jadual 4.10: Program Al-Qur'an

Nama Program	Status	Skudai	Kulai	Pasir Gudang	Johor Bahru	Jumlah
Membudaya Al-Qur'an	Ada	204	42	83	108	437
		46.7%	9.6%	19.0%	24.7%	100.0%
	Tiada	38	14	19	7	78
		48.7%	17.9%	24.4%	9.0%	100.0%
	Perlu	4	4	8	0	16
		25.0%	25.0%	50.0%	.0%	100.0%
Pengajian Al-Qur'an dan Tarannum	Ada	85	39	59	53	236
		36.0%	16.5%	25.0%	22.5%	100.0%
	Tiada	139	20	41	55	255
		54.5%	7.8%	16.1%	21.6%	100.0%
	Perlu	22	1	10	7	40
		55.0%	2.5%	25.0%	17.5%	100.0%
Program Pengajian Bahasa Al-Qur'an	Ada	30	7	28	24	89
		12.2%	11.7%	25.5%	20.9%	16.8%
	Tiada	189	36	67	83	375
		76.8%	60.0%	60.9%	72.2%	70.6%
	Perlu	27	17	15	8	67
		11.0%	28.3%	13.6%	7.0%	12.6%
Program Tahfiz Al-Qur'an	Ada	31	4	12	32	79
		12.6%	6.7%	10.9%	27.8%	14.9%
	Tiada	193	43	78	74	388
		78.5%	71.7%	70.9%	64.3%	73.1%
	Perlu	22	13	20	9	64
		8.9%	21.7%	18.2%	7.8%	12.1%
Tadarrus Al-Qur'an	Ada	126	30	59	77	292
		51.2%	50.0%	53.6%	67.0%	55.0%
	Tiada	111	28	40	38	217
		45.1%	46.7%	36.4%	33.0%	40.9%
	Perlu	9	2	11	0	22
		3.7%	3.3%	10.0%	.0%	4.1%
Khatam Al-Qur'an	Ada	95	25	53	71	244
		38.6%	41.7%	48.2%	61.7%	46.0%
	Tiada	137	34	47	44	262
		55.7%	56.7%	42.7%	38.3%	49.3%
	Perlu	14	1	10	0	25
		5.7%	1.7%	9.1%	.0%	4.7%

Kelas Pengajian Tafsir Al-Qur'an	Ada	99	29	56	46	230
		40.2%	48.3%	50.9%	40.0%	43.3%
	Tiada	127	27	43	62	259
		51.6%	45.0%	39.1%	53.9%	48.8%
	Perlu	20	4	11	7	42
		8.1%	6.7%	10.0%	6.1%	7.9%

Jadual 4.10 di atas menunjukkan tentang respons responden terhadap program-program Al-Qur'an yang ada di tempat mereka. Bagi program membudayakan al-Qur'an, seramai 204 orang (82.9%) responden dari kawasan Skudai mengatakan ada, 38 orang (15.4%) mengatakan tiada manakala 4 orang (1.6%) pula mengatakan bahawa program ini perlu diadakan. Bagi kawasan Kulai seramai 42 orang (70.0%) mengatakan ada, 14 orang (23.3%) mengatakan tiada manakala 4 orang (6.7%) pula mengatakan perlu diadakan program tersebut. Kawasan Pasir Gudang pula, seramai 83 orang (75.5%) mengatakan ada, 19 orang (17.3%) mengatakan tiada manakala bakinya seramai 8 orang (7.3%) mengatakan program tersebut perlu diadakan. Bagi kawasan Johor Bahru, seramai 108 orang (93.9%) mengatakan ada, 108 orang (93.9%) mengatakan tiada dan seramai 7 orang (6.1%) lagi memerlukan program ini di tempat mereka.

Bagi program pengajian al-Qur'an dan tarannum, seramai 85 orang (34.6%) responden dari kawasan Skudai mengatakan ada, 139 orang (56.5%) mengatakan tiada manakala 22 orang (8.9%) pula mengatakan bahawa program ini perlu diadakan. Bagi kawasan Kulai seramai 39 orang (65.0%) mengatakan ada, 20 orang (33.3%) mengatakan tiada manakala hanya seorang (1.7%) sahaja mengatakan perlu diadakan program tersebut. Kawasan Pasir Gudang pula, seramai 59 orang (53.6%) mengatakan ada, 41 orang (37.3%) mengatakan tiada manakala bakinya seramai 10 orang (9.1%) mengatakan program tersebut perlu diadakan. Bagi kawasan Johor Bahru, seramai 53 orang (46.1%) mengatakan ada, 55 orang (47.8%) mengatakan tiada dan seramai 7 orang (6.1%) lagi memerlukan program ini di tempat mereka.

Bagi program pengajian bahasa al-Qur'an, seramai 30 orang (12.2%) responden dari kawasan Skudai mengatakan ada, 189 orang (76.8%) mengatakan tiada manakala 27 orang (11.0%) pula mengatakan bahawa program ini perlu diadakan. Bagi kawasan Kulai seramai 7 orang (11.7%)

mengatakan ada, 36 orang (60.0%) mengatakan tiada manakala seramai 17 orang (28.3%) mengatakan perlu diadakan program tersebut. Kawasan Pasir Gudang pula, seramai 28 orang (25.5%) mengatakan ada, 67 orang (60.9%) mengatakan tiada manakala bakinya seramai 15 orang (13.6%) mengatakan program tersebut perlu diadakan. Bagi kawasan Johor Bahru, seramai 24 orang (20.9%) mengatakan ada, 83 orang (72.2%) mengatakan tiada dan seramai 8 orang (7.0%) lagi memerlukan program ini di tempat mereka.

Bagi program tahfiz al-Qur'an pula, seramai 31 orang (12.6%) responden dari kawasan Skudai mengatakan ada, 193 orang (78.5%) mengatakan tiada manakala 22 orang (8.9%) pula mengatakan bahawa program ini perlu diadakan. Bagi kawasan Kulai seramai 4 orang (6.7%) mengatakan ada, 43 orang (71.7%) mengatakan tiada manakala seramai 13 orang (21.7%) mengatakan perlu diadakan program tersebut. Kawasan Pasir Gudang pula, seramai 12 orang (10.9%) mengatakan ada, 78 orang (70.9%) mengatakan tiada manakala bakinya seramai 20 orang (18.2%) mengatakan program tersebut perlu diadakan. Bagi kawasan Johor Bahru, seramai 32 orang (27.8%) mengatakan ada, 74 orang (64.3%) mengatakan tiada dan seramai 9 orang (7.8%) lagi memerlukan program ini di tempat mereka.

Manakala bagi program tadarrus al-Qur'an, seramai 126 orang (51.2%) responden dari kawasan Skudai mengatakan ada, 111 orang (45.1%) mengatakan tiada manakala 9 orang (3.7%) pula mengatakan bahawa program ini perlu diadakan. Bagi kawasan Kulai seramai 30 orang (50.0%) mengatakan ada, 28 orang (46.7%) mengatakan tiada manakala seramai 2 orang (3.3%) mengatakan perlu diadakan program tersebut. Kawasan Pasir Gudang pula, seramai 59 orang (53.6%) mengatakan ada, 40 orang (36.4%) mengatakan tiada manakala bakinya seramai 11 orang (10.0%) mengatakan program tersebut perlu diadakan. Bagi kawasan Johor Bahru, seramai 77 orang (67.0%) mengatakan ada, 38 orang (33.0%) mengatakan tiada dan tiada seorangpun (0%) yang mengatakan program ini perlu diadakan di tempat mereka.

Bagi program khatam al-Qur'an pula, seramai 95 orang (38.6%) responden dari kawasan Skudai mengatakan ada, 137 orang (55.7%) mengatakan tiada manakala 14 orang (5.7%) pula mengatakan bahawa program ini perlu diadakan. Bagi kawasan Kulai seramai 25 orang (41.7%) mengatakan ada, 34 orang (56.7%) mengatakan tiada manakala hanya seorang (1.7%) mengatakan perlu diadakan program tersebut. Kawasan Pasir Gudang pula, seramai 53 orang (48.2%) mengatakan ada, 47 orang (42.7%) mengatakan tiada manakala bakinya seramai 10 orang (9.1%) mengatakan program tersebut perlu diadakan. Bagi kawasan Johor Bahru, seramai 71 orang (61.7%) mengatakan ada, 44 orang (38.3%) mengatakan tiada dan tiada seorangpun (0%) lagi memerlukan program ini di tempat mereka.

Bagi program kelas pengajian tafsir al-Qur'an, seramai 99 orang (40.2%) responden dari kawasan Skudai mengatakan ada, 127 orang (51.6%) mengatakan tiada manakala 20 orang (8.1%) pula mengatakan bahawa program ini perlu diadakan. Bagi kawasan Kulai seramai 29 orang (48.3%) mengatakan ada, 27 orang (45.0%) mengatakan tiada manakala hanya 4 orang (6.7%) mengatakan perlu diadakan program tersebut. Kawasan Pasir Gudang pula, seramai 56 orang (50.9%) mengatakan ada, 43 orang (39.1%) mengatakan tiada manakala bakinya seramai 11 orang (10.0%) mengatakan program tersebut perlu diadakan. Bagi kawasan Johor Bahru, seramai 46 orang (40.0%) mengatakan ada, 62 orang (53.9%) mengatakan tiada dan 7 orang (6.1%) lagi memerlukan program ini di tempat mereka.

Jadual 4.11: Ceramah dan kuliah

Nama Program	Status	Skudai	Kulai	Pasir Gudang	Johor Bahru	Jumlah
Ceramah Umum	Ada	179	40	87	90	396
		72.8%	66.7%	79.1%	78.3%	74.6%
	Tiada	61	13	18	21	113
		24.8%	21.7%	16.4%	18.3%	21.3%
	Perlu	6	7	5	4	22
		2.4%	11.7%	4.5%	3.5%	2.4%
Ceramah Israk Mikraj	Ada	172	49	95	89	405
		69.9%	81.7%	86.4%	77.4%	76.3%
	Tiada	71	11	15	24	121
		28.9%	18.3%	13.6%	20.9%	22.8%
	Perlu	3	0	0	2	5
		1.2%	.0%	.0%	1.7%	.9%
Ceramah Maal Hijrah	Ada	164	46	95	85	390
		66.7%	76.7%	86.4%	73.9%	73.4%
	Tiada	77	14	15	28	134
		31.3%	23.3%	13.6%	24.3%	25.2%
	Perlu	5	0	0	2	7
		2.0%	.0%	.0%	1.7%	1.3%
Ceramah Maulidur Rasul	Ada	189	52	97	93	431
		76.8%	86.7%	88.2%	80.9%	81.2%
	Tiada	56	8	13	21	98
		22.8%	13.3%	11.8%	18.3%	18.5%
	Perlu	1	0	0	1	2
		.4%	.0%	.0%	.9%	.4%
Forum Perdana	Ada	66	18	64	58	206
		26.8%	30.0%	58.2%	50.4%	38.8%
	Tiada	151	33	39	52	275
		61.4%	55.0%	35.5%	45.2%	51.8%
	Perlu	29	9	7	5	50
		11.8%	15.0%	6.4%	4.3%	9.4%
Tazkirah	Ada	130	25	77	70	302
		52.8%	41.7%	70.0%	60.9%	56.9%
	Tiada	101	24	32	40	197
		41.1%	40.0%	29.1%	34.8%	37.1%
	Perlu	15	11	1	5	32
		6.1%	18.3%	.9%	4.3%	6.0%
Kuliah Suboh	Ada	134	29	73	97	333
		54.5%	48.3%	66.4%	84.3%	62.7%
	Tiada	92	20	35	18	165
		37.4%	33.3%	31.8%	15.7%	31.1%
	Perlu	20	11	2	0	33
		8.1%	18.3%	1.8%	.0%	6.2%

Kuliah Zuhur	Ada	6	0	8	11	25
		2.4%	.0%	7.3%	9.6%	4.7%
	Tiada	220	49	96	98	463
		89.4%	81.7%	87.3%	85.2%	87.2%
	Perlu	20	11	6	6	43
		8.1%	18.3%	5.5%	5.2%	8.1%
Kuliah Asar	Ada	14	1	15	46	14
		5.7%	1.7%	13.6%	40.0%	5.7%
	Tiada	211	48	88	66	211
		85.8%	80.0%	80.0%	57.4%	85.8%
	Perlu	21	11	7	3	21
		8.5%	18.3%	6.4%	2.6%	8.5%
Kuliah Maghrib	Ada	192	39	89	101	421
		78.0%	65.0%	80.9%	87.8%	79.3%
	Tiada	45	18	20	12	95
		18.3%	30.0%	18.2%	10.4%	17.9%
	Perlu	9	3	1	2	15
		3.7%	5.0%	.9%	1.7%	2.8%
Kuliah Isyak	Ada	27	10	56	27	120
		11.0%	16.7%	50.9%	23.5%	22.6%
	Tiada	199	42	52	85	378
		80.9%	70.0%	47.3%	73.9%	71.2%
	Perlu	20	8	2	3	33
		8.1%	13.3%	1.8%	2.6%	6.2%
Kuliah Pengajian Tajwid	Ada	81	23	54	58	216
		32.9%	38.3%	49.1%	50.4%	40.7%
	Tiada	148	24	48	48	268
		60.2%	40.0%	43.6%	41.7%	50.5%
	Perlu	17	13	8	9	47
		6.9%	21.7%	7.3%	7.8%	8.9%
Kuliah Pengajian Fiqh	Ada	79	17	67	49	212
		32.1%	28.3%	60.9%	42.6%	39.9%
	Tiada	148	31	38	57	274
		60.2%	51.7%	34.5%	49.6%	51.6%
	Perlu	19	12	5	9	45
		7.7%	20.0%	4.5%	7.8%	8.5%
Kuliah Pengajian Akhlak	Ada	58	10	49	31	148
		23.6%	16.9%	44.5%	27.0%	27.9%
	Tiada	164	36	48	74	322
		66.7%	61.0%	43.6%	64.3%	60.8%
	Perlu	24	13	13	10	60
		9.8%	22.0%	11.8%	8.7%	11.3%

Kuliah Pengajian Akidah dan Tauhid	Ada	88	20	64	52	224
		35.8%	33.3%	58.2%	45.2%	42.2%
	Tiada	140	28	41	57	266
		56.9%	46.7%	37.3%	49.6%	50.1%
	Perlu	18	12	5	6	41
		7.3%	20.0%	4.5%	5.2%	7.7%

Jadual 4.11 di atas menunjukkan tentang respons responden terhadap program-program berbentuk ceramah dan kuliah yang ada di tempat mereka. Bagi program ceramah umum, seramai 179 orang (72.8%) responden dari kawasan Skudai mengatakan ada, 61 orang (24.8%) mengatakan tiada manakala 6 orang (2.4%) pula mengatakan bahawa program ini perlu diadakan. Bagi kawasan Kulai seramai 40 orang (66.7%) mengatakan ada, 13 orang (21.7%) mengatakan tiada manakala 7 orang (11.7%) pula mengatakan perlu diadakan program tersebut. Kawasan Pasir Gudang pula, seramai 87 orang (79.1%) mengatakan ada, 18 orang (16.4%) mengatakan tiada manakala bakinya seramai 5 orang (4.5%) mengatakan program tersebut perlu diadakan. Bagi kawasan Johor Bahru, seramai 90 orang (78.3%) mengatakan ada, 21 orang (18.3%) mengatakan tiada dan seramai 4 orang (3.5%) lagi memerlukan program ini di tempat mereka.

Bagi program ceramah Israk Mikraj, seramai 172 orang (69.9%) responden dari kawasan Skudai mengatakan ada, 71 orang (28.9%) mengatakan tiada manakala 3 orang (1.2%) pula mengatakan bahawa program ini perlu diadakan. Bagi kawasan Kulai seramai 49 orang (81.7%) mengatakan ada, 11 orang (18.3%) mengatakan tiada manakala tiada seorangpun (0%) yang mengatakan perlu diadakan program tersebut. Kawasan Pasir Gudang pula, seramai 95 orang (86.4%) mengatakan ada, 15 orang (13.6%) mengatakan tiada manakala tiada seorangpun (0%) yang mengatakan program tersebut perlu diadakan. Bagi kawasan Johor Bahru, seramai 89 orang (77.4%) mengatakan ada, 24 orang (20.9%) mengatakan tiada dan seramai 2 orang (1.7%) lagi memerlukan program ini di tempat mereka.

Bagi program ceramah maal hijrah, kawasan Skudai mencatatkan seramai 164 orang (66.7%) yang mengatakan ada, 77 orang (31.3%) mengatakan tiada manakala seramai 5 orang (2.0%) yang memerlukannya. Bagi kawasan Kulai, 46 orang (76.7%) mengatakan ada, manakala seramai 14 orang (23.3%) mengatakan tiada dan tiada seorangpun (0%) mengatakan perlu. Kawasan Pasir Gudang mencatatkan seramai 95 orang (86.4%) yang mengatakan ada, seramai 15 orang (13.6%) mengatakan tiada dan tiada seorangpun (0%) mengatakan perlu. Bagi kawasan Johor Bahru, seramai 85 orang (73.9%) mengatakan ada, 28 orang (24.3%) mengatakan tiada dan seramai 2 orang (1.7%) mengatakan program ini perlu diadakan di tempat mereka.

Manakala bagi program ceramah maulidur rasul, kawasan Skudai mencatatkan seramai 189 orang (76.8%) yang mengatakan ada, 56 orang (22.8%) mengatakan tiada manakala hanya seorang (0.4%) yang memerlukannya. Bagi kawasan Kulai, 52 orang (86.7%) mengatakan ada, manakala seramai 8 orang (13.3%) mengatakan tiada dan tiada seorangpun (0%) mengatakan perlu. Kawasan Pasir Gudang mencatatkan seramai 97 orang (88.2%) yang mengatakan ada, seramai 13 orang (11.8%) mengatakan tiada dan tiada seorangpun (0%) mengatakan perlu. Bagi kawasan Johor Bahru, seramai 93 orang (80.9%) mengatakan ada, 21 orang (18.3%) mengatakan tiada dan bakinya seorang (0.9%) mengatakan program ini perlu diadakan di tempat mereka.

Bagi program forum perdana, kawasan Skudai mencatatkan seramai 66 orang (26.8%) yang mengatakan ada, 151 orang (61.4%) mengatakan tiada manakala seramai 29 orang (11.8%) yang memerlukannya. Bagi kawasan Kulai, 18 orang (30.0%) mengatakan ada, manakala seramai 33 orang (55.0%) mengatakan tiada dan seramai 9 orang (15.0%) mengatakan perlu. Kawasan Pasir Gudang mencatatkan seramai 64 orang (58.2%) yang mengatakan ada, seramai 39 orang (35.5%) mengatakan tiada dan 7 orang (6.4%) mengatakan perlu. Bagi kawasan Johor Bahru, seramai 58 orang (50.4%) mengatakan ada, 52 orang (45.2%) mengatakan tiada dan bakinya seramai 5 orang (4.3%) mengatakan program ini perlu diadakan di tempat mereka.

